

**MANIFESTASI CITRA ALAM DALAM NOVEL
OMBAK BUKAN PENGHALANG: SUATU PENELITIAN FIRASAT MELAYU**



**SARJANA SASTERA
PENGAJIAN BAHASA MELAYU KONTEMPORARI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

2015

PENGAKUAN KERTAS PROJEK

Saya akui karya ini adalah kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



UUM

Tandatangan :


Nama : ZAITUN BT HASAN

No Matrik : 812296

Tarikh : 1.7.2015

Kebenaran Mengguna

Penyerahan projek sarjana ini adalah sebagai memenuhi keperluan pengajian lepasan ijazah Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju supaya pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia menggunakan kertas projek ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Kolej Sastera dan Sains. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan komersial tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya atau penyelia. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam kertas projek ini.



Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dekan
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman

Abstrak

Alam meliputi keseluruhan makhluk yang ada di bumi dan langit. Sebelum ini kajian terhadap bahan sastera seperti puisi telah banyak dilakukan, terutama kajian ke atas sajak, pantun dan syair, namun kajian terhadap novel kurang diberi perhatian. Kajian ke atas novel dilakukan hanya berfokus kepada tema, persoalan, gaya bahasa, perwatakan dan plot. Kajian dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan unsur alam dalam novel oleh pengarang Osman Ayob. Selain itu, analisis kajian ini akan menjawab persoalan yang berkaitan dengan citra alam yang sering digunakan dalam novel dan penggunaan citra alam dalam novel *Ombak Bukan Penghalang*. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan Firasat Melayu. Pengkaji memilih pendekatan Firasat Melayu kerana ilmu firasat berkaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu, yang erat dengan hubungan alam serta agama Islam. Ilmu firasat adalah salah satu pendekatan dalam kajian karya sastera Melayu (Hashim Awang, 1989). Kajian ini dapat menjelaskan bahawa pengkarya Osman Ayob telah menjadikan unsur alam sebagai sumber penting kepada penghasilan bahan karyanya.



Kata kunci: Alam, firasat, Melayu, novel.

Abstract

Natural covering the entire life on the earth and sky. Prior to this study of literary materials such as poetry has been widely applied, especially the study of poems, rhymes and poems, but the study of the novel given less attention. Study aims to identify and analyze the use of natural elements in the novel by author Osman Ayob. In addition, analysis of this study will answer the question related to whether the image of nature that often used in the novel and how the image is used in the novel Ombak Bukan Penghalang. This study was analyzed by using a hunch Malay. Researchers chose this approach because, Physiognomy as one of the approaches in the study of French literature (Hashim Awang, 1989). This study could explain that the artist Osman Ayob has made elements of nature as an important source of income their work.

Keywords: Natural, foreboding, Malay, novel



Penghargaan

Bersyukur saya kepada Allah dengan limpah izinNya, kertas projek ini dapatlah disiapkan dengan sempurna. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Phat A/L Awang Deng selaku penyelia projek kerana membantu saya menyiapkan kertas projek ini. Dorongan dan bimbingan yang diberikan menjadi inspirasi kepada saya untuk terus berusaha menyempurnakan kertas projek ini di saat saya hampir berputus asa.

Semurni kasih saya persembahkan kepada suami tercinta Aswari Bin Daud, anak-anak, bonda, arwah ayahanda yang tidak sempat melihat kejayaan saya dan adik-adik. Terima kasih atas dorongan, bantuan kewangan, tenaga dan kesediaan memahami cita-cita saya untuk menghayati pembelajaran sepanjang hayat dan seterusnya mendoakan kejayaan saya. Jutaan terima kasih buat semua pensyarah yang pernah memberi tunjuk ajar, teman-teman seperjuangan, rakan setugas yang banyak memberi semangat, sokongan dan bimbingan demi merealisasikan impian saya untuk mendapat segulung ijazah sarjana.

Buat anak-anakku tersayang, Nur Afiqah, Muhd. Aiman Asyraf, Nur Alia Aqilah dan Nur Aimuni Izzah, jadilah kejayaan umi sebagai penyuntik semangat kepada kalian untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Sekali lagi jutaan terima kasih buat semua yang terlibat dalam proses saya melengkapkan kertas projek ini. Bantuan dan sumbangan ikhlas kalian tidak dapat saya lupakan dan akan saya abadikan dalam memori ini buat selama-lamanya. Hanya Allah sahaja yang dapat membala jasa, pengorbanan dan budi baik kalian. Terima kasih semua.

Nama : Zaitun Bt Hasan

Alamat : No 5, Jalan Melati Indah, Taman Melati Indah, 08000,
Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

KANDUNGAN

HALAMAN

Pengakuan Kertas Projek	i
Kebenaran Mengguna	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v

BAB SATU PENDAHULUAN


1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Soalan Kajian	7
1.5 Kerangka Teoritis	7
1.6 Kajian Lepas	12
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Kesimpulan	16

BAB DUA KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan	17
2.2 Kajian Berkaitan	18
2.3 Kesimpulan	32

BAB TIGA METODOLOGI

3.1	Pengenalan	34
3.2	Data Kajian	34
3.3	Tatacara Analisis	36
3.4	Kerangka Teoritis	37
3.5	Definisi Konsep	41
3.5.1	Alam	41
3.5.2	Firasat Melayu	43
3.6	Kesimpulan	44



BAB EMPAT CITRA ALAM DALAM OMBAK BUKAN PENGHALANG

4.1	Pengenalan	45
4.2	Citra Alam Manusia	46
4.2.1	Penanda Emosi	47
4.2.2	Pembangunan Kendiri Insan	54
4.2.3	Penanda Kemanusiaan	58
4.3	Citra Alam dan Fenomena Alam	62
4.3.1	Ombak Besar Tsunami	64
4.3.2	Waktu	68
4.3.3	Cakerawala	73
4.4	Kesimpulan	77

BAB LIMA PENEMUAN DAN PENUTUP

5.1	Penemuan	79
5.2	Penutup	82

RUJUKAN	84
----------------	----

LAMPIRAN A Latar Belakang Osman Ayob	88
---	----

LAMPIRAN B Sinopsis Novel <i>Ombak Bukan Penghalang</i>	90
--	----

LAMPIRAN C Rajah Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1989)	93
--	----



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dunia pada zaman dahulu atau zaman moden tetap menganggap alam sebagai sumber kehidupan. Bukan sahaja daripada bumi, laut juga turut sama membawa bahan makanan dan sumber ekonomi kepada kehidupan manusia. Alam ialah terdiri dari tumbuh-tumbuhan, haiwan, sungai, laut, cakerawala seperti bintang, bulan, matahari, awan dan langit amat berkait rapat dengan kehidupan manusia. Mengikut pendapat ahli Geografi, alam sekitar semula jadi merangkumi fenomena di bumi, kecuali manusia dengan kerjayanya. Ini termasuklah iklim, tanah-tanah, haiwan liar, serangga, flora, bentuk muka bumi, atmosfera, mineral dan air (Chan Ngai Weng, 1993).

Alam adalah disebut dalam bahasa Inggeris *nature: physical world, usually the outdoors* (*Kamus English – Melayu Dewan*, 1991) atau dikatakan juga sebagai segala yang ada di langit dan di bumi, seperti bumi, bintang-bintang, tenaga-tenaga yang ada dan lain-lain (*Kamus Dewan*, 2010). Alam sebenarnya boleh melahirkan nilai-nilai estetika hasil daripada hubungan dan tindak balas seseorang seniman dengan alam di sekitarnya.

Merujuk situasi tersebut, telah menyebabkan penggunaan unsur alam menjadi satu lumrah kepada pengarang atau penyair sejak zaman dahulu hingga ke hari ini. Penggunaan unsur alam sebagai perlambangan amat sesuai, dalam proses penghasilan bahan kesusasteraan yang lebih berkualiti, realistik dan menarik untuk dipersembahkan kepada pembaca.

Hasil karya sastera, seperti puisi, cerpen dan novel adalah karya seni yang merakamkan fenomena kehidupan, sosiobudaya masyarakat dan alam yang dimanifestasikan dalam bentuk pemikiran sastera. Manifestasi pemikiran akan dizahirkan oleh pengkarya untuk menyampaikan mesej-mesej tersirat atau pengajaran kepada pembaca. Unsur alam sering digunakan dalam kalangan masyarakat pengkarya sastera sama ada secara sedar atau sebaliknya. Hasil karya ini tergolong dalam bentuk kiasan halus yang menjadi salah satu wadah pengenalan identiti masyarakat Melayu atau masyarakat setempat. Novel, seperti genre lain dalam karya sastera adalah suatu khazanah yang di dalamnya terdapat ciri-ciri pilihan daripada pemikiran, pengolahan seni, alam dan pengalaman hidup yang berlandaskan jalur zaman yang dilalui oleh pengkarya dan masyarakatnya.

Pemakaian kata-kata berkaitan alam boleh melambangkan sifat lembut dan manis dalam masyarakat dan budaya Melayu, biasanya penggunaan unsur alam ini sering merujuk kepada sesuatu kata yang dianggap lebih lembut atau sederhana, lebih baik atau menyenangkan dan kurang berterus-terang sifatnya bagi memperkatakan sesuatu yang mungkin boleh dianggap kasar, keras, menakutkan, menghina atau menyinggung perasaan seseorang. Unsur citra alam boleh juga ditukarkan kepada kata-kata yang lembut dan indah menjadikan perkataan lebih bermakna dan mudah difahami oleh pembaca. Mesej yang tersirat dapat disampaikan secara tidak langsung serta tidak menguris perasaan mana-mana pihak.

Penggunaan unsur alam juga boleh dijadikan sebagai bahan sindiran atau kritikan secara halus yang tidak menimbulkan kemarahan sesiapapun.

Pengetahuan dan penguasaan aspek penggunaan unsur alam dalam berkarya, merupakan satu dimensi penting untuk seseorang itu dianggap sopan, beradab dan beradat, tetapi yang lebih penting ialah pengalaman perlakuan bahasa Melayu ini melambangkan bahawa seseorang itu peka serta prihatin kepada nilai dan sikap tentang penguasaan bahasa Melayu yang dikaitkan dengan tanggapan atau konsep tahu berbahasa dengan baik. Justeru itu, penggunaan unsur citra alam oleh pengkarya boleh menjadi satu proses menyampaikan sesuatu maksud yang tersirat dan tersurat dengan lebih jelas. Mesej-mesej atau pengajaran dapat disampaikan tanpa ada batasan. Hakikatnya manusia tidak dapat dipisahkan dengan alam semesta dalam menjalani rutin kehidupan. Alam boleh mempengaruhi hampir keseluruhan kehidupan manusia sama ada secara zahir atau batin.

Alam sebenarnya boleh melahirkan nilai-nilai estetik hasil daripada hubungan dan tindak balas seseorang seniman dengan alam di sekitarnya. Merujuk kajian terdahulu didapati penelitian tentang manifestasi citra alam kurang diberi perhatian, terutama kajian terhadap novel. Walaupun alam sangat dominan dengan kehidupan orang Melayu, namun pengarang Melayu jarang memerikannya secara lengkap dan penuh. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu banyak berfokus kepada puisi tradisi dan puisi moden. Antara pengkaji tersebut ialah Zurinah Hassan (2004), hasil kajian

beliau banyak berfokus kepada penggunaan unsur alam dalam puisi seperti pantun dan syair.

Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengambil satu inisiatif untuk mencari bukti atau kebenaran tentang pemikiran Osman Ayob yang dikatakan amat erat dengan penggunaan citra alam dalam usaha beliau menghasilkan karya seperti puisi, cerpen dan novel. Jika dirujuk pada judul karya-karya yang terdahulu dan terkini, memang terbukti Osman Ayob gemar bermain dengan unsur alam. Beliau sering mengguna judul karya dengan unsur alam, antara karya beliau ialah *Gerhana Semusim* (1994), *Dukhan Langit Akhir Zaman* (2013) dan *CEO Baru* (2013). Pengarang Osman Ayob, adalah antara pengarang tempatan yang gemar menggunakan unsur citra alam dalam setiap penghasilan karya kesusastraan. Beliau sering menggunakan citra alam seperti sungai, laut, ombak, sawah padi, serangga dan sebagainya. Alam adalah satu medium penting yang mendorong beliau dalam usaha mencipta sesbuah karya sastera. Pengarang berpandangan bahawa hubungan manusia dengan alam adalah satu hal yang berkait rapat antara satu sama lain. Di sini telah terbukti bahawa manusia tidak dapat memisahkan dirinya dari alam semesta dan unsur alam akan menjadi sumber rujukan, sumber ghairah hidup yang tidak habis-habis ditimba oleh manusia, terutama dalam kalangan pencipta seni.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian terhadap novel Melayu moden sebelum ini telah banyak dilakukan dari pelbagai aspek, termasuklah kajian dari aspek tema, persoalan, plot, perwatakan dan gaya bahasa. Manakala kajian terhadap manifestasi unsur alam dalam novel, jarang mendapat perhatian pengkaji sebelum ini. Osman Ayob adalah salah seorang pengarang yang gemar mengguna alam semesta sebagai sumber inspirasi penghasilan karyanya. Beliau begitu bijak menyusun elemen daripada sumber alam dalam proses membentuk perkataan-perkataan dan baris-baris ayat sehingga dapat melahirkan hasil karya yang menarik dan bermutu. Beliau juga sentiasa menjadikan sumber alam sebagai rujukan dalam melontar buah fikiran yang kreatif untuk tatapan masyarakat pembaca. Mesej-mesej kehidupan telah ditonjolkan dengan menjadikan sumber alam sebagai perlambangan.

Walaupun terdapat kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu tentang penggunaan citra alam dalam hasil kesusastraan di Malaysia. Namun kebanyakannya berfokus kepada puisi, iaitu yang melibatkan penggunaan unsur alam semesta seperti laut, ombak, flora dan fauna dan bukan meliputi kehidupan dan sosiobudaya masyarakat setempat. Kajian terhadap prosa seperti novel kurang diberi perhatian oleh pengkaji sebelum ini. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Haji Morsidi Muhamad (2010) terhadap novel *Permainan Laut* dan *Empangan* hasil karya Muslim Burmat, hanya berfokus pada penggunaan perkataan *lembah* dan *laut*. Kajian berkenaan meneliti penggunaan perkataan tersebut oleh penulis

dalam proses menyampaikan pemikiran berkaitan dengan kehidupan masyarakat setempat. Walhal, aspek alam dalam prosa juga mempunyai makna-makna yang pelbagai, yang boleh dijadikan perlambangan atau simbol. Tambahan pula kajian tentang manifestasi alam dalam *Ombak Bukan Penghalang* (Osman Ayob, 2007) belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membuktikan bahawa citra alam amat rapat dengan penulis Osman Ayob. Selain itu, karya Osman Ayob yang terdahulu banyak berkaitan dengan alam seperti *Di Pinggir Kesedaran* (1993), *Detik Yang Tergugat* (1988), *Melamar Rindu* (2001), *Menyisih Awan Kelabu* (2006), *Lembah Kencana* (2012), *Dukhan Langit Akhir Zaman* (2013) dan *CEO Baru* (2013). Isi cerita yang disampaikan banyak berkaitan dengan alam sekitar seperti sungai, laut, awan, sawah padi, haiwan ternakan dan sebagainya, yang berkaitan dengan alam di persekitaran pengarang itu sendiri.

Merujuk kepada novel, cerpen dan puisi-puisi yang telah dihasilkan sebelum ini, telah membuktikan bahawa Osman Ayob sering bermain dengan unsur alam. Tambahan pula, latar belakang Osman Ayub yang lahir dan dibesarkan dalam suasana desa yang dikelilingi alam semula jadi, menguatkan lagi kenyataan ini. Justeru itu, tidak mustahil citra alam boleh menjadi tarikan dan pencetus idea utama kepada beliau untuk berkarya.

1.3 Objektif Kajian


Kajian ini secara khususnya dilakukan untuk mencapai objektif berikut:

- 1.3.1 Mengenal pasti unsur-unsur alam yang digunakan oleh Osman Ayob dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007).
- 1.3.2 Menganalisis unsur-unsur alam dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007) dengan pendekatan firasat Melayu.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

- 1.4.1 Apakah citra alam dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007)?
- 1.4.2 Bagaimanakah citra alam digunakan dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007) boleh dianalisis dengan menggunakan pendekatan Firasat Melayu?



1.5 Kerangka Teoritis

Kajian ini memilih untuk menggunakan Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) iaitu dengan menggunakan pendekatan firasat. Hashim Awang dalam usaha untuk mencipta suatu kaedah kajian sastera Melayu yang bertujuan mengangkat semula “mitos” lama tentang intimnya hubungan masyarakat Melayu dengan alam.

Hashim Awang membahagikan “Kaedah Melayu” kepada dua cabang utama, iaitu kaedah alamiah dan kaedah keagamaan. Kaedah alamiah terbahagi pula kepada tiga jenis pendekatan, iaitu pendekatan

gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Hashim Awang berpendapat bahawa ilmu firasat merupakan suatu pengalaman yang unik dalam kehidupan masyarakat Melayu dan erat hubungannya dengan alam serta agama Islam. Unsur-unsur firasat tersebut sangat berkaitan dengan aspek kehidupan Melayu, zahir dan batinnya, tentang bagaimana cara mereka berfikir, bertindak dan berinteraksi, yang sangat rapat pula hubungannya dengan imej-imej kesopanan orang Melayu. Unsur-unsur firasat tersebut merupakan unsur-unsur penting yang membentuk sistem kepercayaan, kejiwaan dan psikologi masyarakat Melayu dalam hubungan mereka dengan masyarakat dan alam sekeliling. Teori Pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pertama disebut pengkaedahan alamiah yang dipecahkan pula kepada tiga pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Manakala yang kedua disebut pengkaedahan keagamaan yang juga dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

Firasat atau ilmu firasat mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat Melayu. Pengetahuan mengenai ilmu firasat dalam masyarakat Melayu digambarkan sebagai menunjukkan ketinggian, kehalusan dan ketajaman pemikiran dan pengalaman dalam membaca minda dan tingkah laku manusia serta meramal sesuatu kejadian berdasarkan tanda-tanda atau peristiwa-peristiwa yang berlaku pada alam sekeliling.

Manakala *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1990) mendefinisikan firasat sebagai keadaan yang dirasakan akan terjadi setelah melihat gelagat seseorang. Kecekapan meramalkan sesuatu dengan melihat keadaan muka dan tanda-tanda pada badan bagi menentukan untung nasib. Akhir sekali, bentuk muka (mata, bibir dan sebagainya) boleh dihubungkan dengan tabiat seseorang.

Berdasarkan definisi ini dapatlah dirumuskan bahawa, ilmu firasat itu menggambarkan dua bentuk pengertian, iaitu pertama, firasat membawa maksud kebolehan seseorang itu “membaca” perlakuan atau perwatakan manusia melalui tanda-tanda yang ada pada tubuh. Tanda-tanda pada tubuh adalah berdasarkan kepercayaan dan pengalaman yang hidup subur dalam nilai budaya dan amalan hidup masyarakat. Kedua, firasat itu dikaitkan dengan kebolehan seseorang merasai sesuatu kejadian yang bakal berlaku berdasarkan “rasa hati” yang dialami. Rasa “rasa hati” yang dimaksudkan juga sesuatu yang berdasarkan tanda-tanda atau alamat-alamat tertentu, khususnya yang berkaitan dengan perubahan-perubahan yang berlaku pada tingkah laku manusia atau pada alam kehidupan sekeliling” (Hashim Awang, 1989).

Manakala Jelani Harun (2000) menyatakan bahawa huraian-huraian dan cerita-cerita awal tentang ilmu firasat ini, terdapat dalam karya-karya kesusasteraan Melayu lama, seperti *Taj al-salatin (Mahkota Raja-Raja)* karya Bukhari al- Jauhari (1603) dan *Bustan al-Salatin (Taman Raja-Raja)* karya Nuruddin al-Raniri (1638).

Menyedari aspek ini Hashim Awang telah merangka dan memilih untuk menggunakan ilmu firasat ini telah dikesan dengan baik oleh Hashim Awang untuk dijadikan asas dalam penelitian karya sastera. Beliau telah mengemukakan pendekatan firasat yang merupakan salah satu daripada pendekatan yang terdapat dalam pengkaedahan alamiah iaitu bahagian daripada pengkaedahan Melayu dikemukakan oleh Hashim Awang (1989). Pengkaedahan ini dihasilkan berdasarkan kitab *Tajulmuluk*, iaitu sebuah kitab yang menjadi “semacam” panduan hidup yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu terutama golongan generasi tua (Sahlan Mohd. Saman, 1999). Kitab tersebut membincarakan enam perkara pokok, iaitu mengenai manusia, kesihatan (perubatan) manusia, sifat dan gerak laku manusia, mimpi dan firasat, cakerawala dan perumahan yang semuanya dikaitkan dengan unsur-unsur alam. Sikap masyarakat Melayu yang mengaitkan hubungan mereka dengan unsur-unsur alam boleh dijadikan pegangan sebagai pendekatan dalam pengajian sastera.

Pendekatan firasat ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup dan di sini kejadian tersebut adalah dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup yang penuh misteri yang dialami oleh masyarakat Melayu sering dianggap sebagai bermakna kepada kehidupan. Perkara tersebut diberikan perhatian untuk ditemukan pengertian atau maknanya; pencarian makna mimpi ini dikenali sebagai takbir, iaitu proses menemukan maknanya itu menerusi taksiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di

dalamnya. Hal ini dikatakan oleh Hashim Awang (1997) ketika mengemukakan pendekatan ini bahawa:

bertepatan dengan sifat penglahirannya, sastera juga menyerupai suatu mimpi, iaitu suatu kejadian alam yang mempunyai makna atau pengertian yang pertemuannya itu hanya dapat dilakukan menerusi proses takbir atau tafsiran. Tuntutan melaksanakan tafsiran untuk menemukan maknanya ini memberikan implikasi bahawa sastera memiliki sifat-sifat zahir dan batin, atau yang sering diistilahkan sebagai yang “tersurat” dan “tersirat”. Sifat zahir atau yang “tersurat” menjadi sebagai penanda (alamat) untuk memperolehi yang “tersirat”, iaitu petanda atau maknanya

(hlm.122)

Proses yang terdapat dalam petikan menyamai dengan apa yang berlaku dalam amalan masyarakat Melayu hendak mengenali kelakuan dan tabiat manusia dari aspek batinnya, iaitu melalui keadaan sifat zahir atau sifat fizikalnya. Oleh itu, intipati yang perlu dicapai apabila pendekatan firasat digunakan dalam kajian sastera, maknanya perlu dianalisis dan ditemukan melalui penafsiran sifat-sifat zahir, atau sistem tanda dan lambang yang dimilikinya. Firasat mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat Melayu. Pengetahuan tentang ilmu firasat dalam masyarakat Melayu digambarkan sebagai menunjukkan ketinggian, kehalusan dan ketajaman pemikiran dan pengalaman dalam membaca minda dan tingkah laku manusia serta meramal sesuatu kejadian berdasarkan tanda-tanda atau peristiwa yang berlaku pada alam sekeliling.

Oleh itu, pendekatan ini amat sesuai diaplikasikan dalam kajian kerana manipulasi alam adalah satu proses tanda atau lambang kepada alam realiti kehidupan masyarakat. Kaedah ini amat berkait rapat dengan

penggunaan tanda-tanda alam yang ingin dizahirkan oleh pengarang kepada audien atau pembaca dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (Osman Ayob, 2007).

1.6 Kajian Lepas

Kajian mengenai penggunaan unsur alam dalam bahan kesusasteraan seperti puisi, cerpen dan novel kurang digemari oleh pengkaji terdahulu. Kajian lepas yang telah dilakukan banyak berfokus kepada puisi lama seperti pantun, syair dan sedikit tentang sajak, cerpen dan novel. Kajian ke atas bahan prosa seperti novel kurang diberi perhatian oleh pengkaji sebelum ini, terutama kajian ke atas penulis kurang popular, antaranya Osman Ayob. Pengkaji banyak meneliti hasil kesusasteraan pengkarya mampan seperti Shahnon Ahmad, A.Samad Said, Azizi Haji Abdullah, Zurinah Hassan, Fatimah Busu, Khatijah Hashim dan sebagainya.

Haji Morsidi Muhammad dalam kajian yang bertajuk *Dua Novel Muslim Burmat: Manifestasi Alam Tentang Laut Dan Lembah* (2010). Misalnya hanya berfokus kepada penggunaan dan makna-makna perkataan “lembah” dan “laut”, yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat. Lembah dan laut dijadikan sebagai perlambangan tentang kehidupan manusia yang pelbagai corak dan cerita kehidupan sama ada yang gembira, sedih, takut, resah dan pelbagai lagi.

Manakala kajian ke atas novel *Lamunan Puitis* hasil karya Shahnon Ahmad, oleh Membunga @ Siti Meriam Bt Yaacob (2010) pula memberi

fokus kepada unsur alam yang terdapat dalam novel tersebut. Dalam kajian ini Siti Meriam menjelaskan bahawa alam amat rapat dengan kehidupan manusia. Beliau berpendapat bahawa alam boleh juga dilihat kepada kehidupan manusia. Alam yang tidak dijaga dengan sempurna boleh mendatangkan kesan buruk kepada manusia. Rumusan beliau ialah manusia tidak dapat dipisahkan dengan alam.

Sementara kajian puisi-puisi Zurinah Hassan oleh Muhammad Fadzil Yusoff dan Samsina Abd Rahman (2010) yang bertajuk “*Pemaknaan Kosmologi Biotik dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*” pula berkaitan dengan alam yang merujuk kepada kehidupan alam semesta di atas muka bumi ini yang saling memerlukan antara satu sama lain.

Merujuk beberapa kajian tersebut, telah membuktikan bahawa kajian banyak berfokus kepada pengkarya mampan sahaja. Walau bagaimanapun tidak dinafikan ada kajian dibuat ke atas pengkarya baharu, namun dalam jumlah yang sedikit. Bahan-bahan kajian juga banyak berfokus kepada puisi-puisi dan sedikit kajian ke atas novel. Lantaran berlakunya fenomena ini, telah mendorong pengkaji membuat kajian ke atas novel Osman Ayob. Hasilnya kajian ini diharapkan dapat membuktikan kepada masyarakat kepentingan penggunaan unsur alam dalam penghasilan bahan-bahan kesusasteraan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini berdasarkan skop yang telah ditetapkan iaitu melibatkan data atau bahan yang digunakan hanya berdasarkan novel *Ombak Bukan Penghalang* yang akan dianalisis berdasarkan elemen-elemen yang berkaitan dengan citra alam yang digunakan oleh pengarang. Penelitian akan dilakukan meliputi penggunaan unsur alam seperti manusia, flora dan fauna yang memberikan makna-makna tertentu dalam karya.

Berdasarkan pendekatan firasat, analisis akan melihat penggunaan unsur-unsur citra alam dalam proses pembangunan kendiri insan, pembangunan fizikal alam setempat dan unsur sosiobudaya masyarakat kesan daripada musibah ombak besar tsunami sebagai tanda kepada pemikiran Osman Ayob. Kajian ini dijalankan untuk menunjukkan wujudnya jalinan antara pemikiran pengarang dengan alam unsur alam memang kerap digunakan oleh pengarang-pengarang Melayu dalam proses menyampaikan makna atau perlambangan yang tersirat dan tersurat dalam hasil karya masing-masing. Fokus penelitian hanya kepada novel *Ombak Bukan Penghalang* (Osman Ayob, 2007).

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menunjukkan unsur-unsur alam yang sering menjadi sumber rujukan utama dalam penghasilan karya-karya sastera, sama ada dalam puisi moden, tradisional, cerpen atau novel oleh pengkarya Osman Ayob atau pengkarya tempatan lain. Selain itu, kajian membuktikan bahawa penggunaan unsur atau citra alam akan menjadi hasil karya lebih indah dan menarik dari aspek persembahan gaya bahasa dan

latar masa atau tempat, serta latar masyarakat. Hasil karya akan menjadi lebih realistik atau hidup di samping memberi kesan yang positif kepada audien atau pembaca. Namun begitu, segala teguran terhadap masyarakat dapat disampaikan secara halus serta berhemah dan mungkin tidak menyentuh sensitifiti masyarakat setempat. *Ombak Bukan Penghalang* merupakan antara hasil karya Osman Ayob yang menggunakan citra alam yang menarik dan relevan dengan novel tersebut serta telah menarik perhatian pengkaji. Novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007) telah memenangi hadiah saguhati Sayembara Mengarang Novel sempena Perayaan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Penganugerahan yang telah diberi kepada pengarang, mendorong pengkaji untuk mengkaji novel ini secara lebih terperinci dari aspek penggunaan citra alam dalam novel.

Kajian ini untuk mengenal pasti citra alam yang dapat dikaitkan dengan sosiobudaya manusia setempat dan persekitaran. Kajian ini juga bertujuan menjelaskan bahawa penggunaan alam dalam novel sebagai satu sumber rujukan penting dalam penghasilan bahan karya sastera yang bermutu. Ini kerana pengarang dapat melontarkan idea dengan menggunakan elemen alam sebagai salah satu medium yang wajib dan berkesan dalam proses menyampaikan makna yang tersirat dan tersurat. Kejelasan makna atau mesej-mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang amat penting bagi audien atau pembaca untuk memahami mesej-mesej yang tersurat dan tersirat. Teguran-teguran secara berhemah juga dapat

dihasilkan, secara tidak langsung boleh melahirkan ahli masyarakat yang harmoni dan hidup dalam suasana aman damai

1.8 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan secara sepintas lalu berkenaan kajian *Manifestasi Citra Alam dalam novel Ombak Bukan Penghalang* dengan landasan firasat Melayu. Bab ini menjelaskan aspek kajian yang akan dilaksanakan. Pengenalan mengenai topik kajian telah diperjelaskan secara terperinci tentang maksud alam dan perkaitan dengan sedikit latar belakang pengarang novel yang dikaji. Permasalahan kajian dikupas merujuk aspek-aspek yang akan dikaji. Sebelum mengupas objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian. Bab ini menyatakan skop kajian yang dilakukan hanya berfokus pada novel yang dikaji dengan pendekatan firasat Melayu. Kajian lepas juga menjadi aspek penting sebagai sumber rujukan dan batasan kajian yang akan dilaksanakan.

BAB DUA

KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan membincangkan kajian lepas yang berkaitan dengan topik lebih terperinci. Harapan agar dapatkan ini boleh dijadikan panduan untuk meneruskan kajian yang lebih baik dan teratur, iaitu setelah merujuk topik-topik yang berkaitan. Kajian yang lepas amat penting dalam proses menghasilkan kajian yang lebih berkualiti dan lengkap kerana dapat melakukan penambahbaikan kepada hasil kajian yang sedia ada. Selain itu, skop kajian akan menjadi lebih tersusun dan terperinci serta akan menemui banyak aspek atau tumpuan boleh diteliti. Kelompongan dalam kajian lepas dapat ditampung dengan kajian yang baharu yang dapat dikembangkan pada masa-masa akan datang.

Ini kerana manifestasi citra alam dalam hasil kesusasteraan boleh dilihat dari pelbagai sudut atau persepsi kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu. Dapatkan kajian yang lepas amat membantu usaha ini dan ia boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan garis panduan. Kajian lepas membantu penghasilan idea-idea baharu untuk menghasilkan penelitian yang lebih baik.

2.2 Kajian Berkaitan

Kajian mengenai penggunaan alam atau citra alam dalam penghasilan karya atau sebagai unsur perlambangan telah banyak dilaksanakan. Namun kajian sebelum ini lebih menjurus kepada puisi lama dan moden, serta sedikit kajian ke atas cerpen. Setakat ini, kajian ke atas novel amat kurang dilakukan oleh pengkaji tempatan. Kenyataan ini dapat disokong berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat oleh pengkaji sebelum ini.

Merujuk tulisan yang bertajuk “*Eksplorasi Flora dan Fauna Adalah Ekspresi Jiwa Raga Wanita: Satu Bacaan Eco-Feminism Berdasarkan Karya-Karya Terpilih*” oleh Suzana Muhammad, Nik Hussein dan Siti Hajar Che Man (2010), menganalisis penggunaan alam dalam cerpen *Perempuan*, oleh Shahnon Ahmad dan novel *Harga Sebuah Maruah*, hasil karya Azizi Haji Abdullah. Cerpen dan novel ini menggunakan unsur alam untuk menggambarkan semangat kental golongan wanita dalam menangani onak dan duri kehidupan. Perlambangan yang digunakan sesuai dengan watak wanita yang digambarkan. Contoh penggunaan unsur alam dalam cerpen *Perempuan*, unsur flora terdiri daripada buah ciku, bawang, daun pandan, pucuk kelapa, sawah padi, daun mengkuang dan buah nona. Manakala dalam novel *Harga Sebuah Maruah* pula menggunakan unsur alam untuk menandakan maruah dan nilai diri watak Cah. Oleh itu, tanah dijadikan lambang sumber rezeki dan kehidupan kepada manusia. Sawah bendang melambangkan kehidupan Cah yang penuh dugaan dan cabaran kerana terpaksa meharungi setiap detik kehidupan yang sulit. Sawah

bendanglah yang menjadi sumber rezeki dan kekuatan bagi Cah meneruskan kehidupan seharihan.

Perbincangan dalam kajian itu menyatakan bahawa seseorang sasterawan, sebenarnya orang yang paling hampir dengan alam. Ada waktunya dia menyelami alam dan ada ketikanya dia sebat bersama dengan alam. Alam menjadi sumber aspirasi atau kekuatan kepada kehidupan sasterawan atau penulis. Manusia memang berinteraksi dengan alam semula jadi, menyesuaikan diri kepadanya dan menggunakannya secara berfaedah ataupun memusnahkannya, tanpa rasa bersalah pada generasi akan datang. Manusia boleh lakukan apa saja kepada alam selagi alam tidak kembali bertindak ke atas manusia. Namun, apabila alam tidak berdaya, pasti ia bertindak ke atas manusia, tanpa diduga. Kajian berkenaan penulis telah mencapai objektif kajian melalui skop perbincangan untuk mengenal pasti unsur-unsur flora dan fauna dengan konsep feminisme itu sendiri dan memahami jiwa raga wanita yang dialirkkan oleh pengarang melalui perlambangan flora dan fauna.


Oleh itu, dirumuskan bahawa kedua-dua pengarang kreatif tadi telah menggunakan perlambangan flora dan fauna untuk mewakili jiwa raga wanita yang halus, lembut dan sensitif. Flora amat berkait rapat dengan golongan wanita atau gadis. Flora digambarkan indah dan cantik, justeru ia amat sesuai dijadikan perlambangan kepada golongan berkenaan. Flora dan fauna juga boleh mewakili perwatakan wanita yang tabah dan kental berhadapan dengan ujian dalam kehidupan. Kedua-dua pengarang memang

gemar bermain dengan unsur alam ketika menghasilkan bahan karya seperti puisi, cerpen dan novel.

Dalam kajian yang bertajuk “*Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan dalam Puisi Melayu Moden*” oleh Zurinah Hassan (2001), pula meneliti penggunaan unsur alam sebagai perlambangan dalam menghasilkan puisi Melayu Moden. Zurinah Hassan telah menyatakan bahawa perlambangan digunakan dengan pengertian yang luas untuk menghasilkan sebuah puisi yang indah dan menarik. Perlambangan akan terjadi seandainya penggunaan satu perkataan bagi maksud sesuatu yang lain atau menyamakan sesuatu dengan yang lain, membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain serta mengasosiasi, mengaitkan dan menghubungkan sesuatu dengan yang lain. Zurinah Hassan menyatakan lambang digunakan oleh penyair bertujuan menjelaskan lagi ’makna’ yang sedia ada di samping memberi impak terhadap pemikiran dan perasaan pembaca (audien puisi). Pada dasarnya perlambangan boleh terjadi dalam penggunaan metafora, simile dan personifikasi. Unsur ini boleh menggambarkan tentang sifat alam yang sama dengan manusia.

Penggunaan lambang merupakan satu cara untuk menyampaikan maksud puisi dan mempertingkat nilai estetika sebuah puisi. Kebanyakan hasil karya adalah merupakan reaksi atau kesan alam sekeliling pada emosi atau pemikiran penyair. Penyair mengaitkan unsur-unsur alam di sekitarnya dengan kehidupan dan pelakuan-pelakuan manusia di alam nyata. Zurinah Hassan merumuskan bahawa perlambangan yang digunakan dalam puisi

moden adalah retetan dari perlambangan yang digunakan dalam puisi Melayu tradisi, terutama pantun dan peribahasa. Apa yang sedikit berbeza perlambangan kontemperari mula digunakan dalam puisi Melayu moden. Jelasnya perlambangan unsur alam seperti flora dan fauna masih relevan digunakan oleh penulis puisi di zaman moden ini, dalam proses meluahkan buat fikiran untuk tatapan umum. Beliau juga ada menyatakan bahawa perlambangan telah hidup subur dan digunakan secara meluas di dalam puisi-puisi Melayu tradisional seperti pantun dan syair. Penggunaan lambang juga memperlihatkan keakraban orang Melayu dengan alam. Hasil penggunaan unsur alam membolehkan pengkarya menyampaikan mesej-mesej secara berhemah, tanpa menyinggung perasaan audien atau pembaca. Pengkaji berharap khalayak pembaca atau khalayak sastera seharusnya dapat menerima penggunaan unsur alam sebagai perlambangan adalah relevan.



Menerusi kajian berjudul “*Peribadi Alam dalam Lamunan Puitis*” oleh Membunga @ Siti Meriam Yaacob (2010), pula menyatakan bahawa penggunaan unsur alam dalam puisi ialah untuk menjelaskan bahawa alam adalah sinonim dengan kehidupan manusia. Alam sama seperti manusia mempunyai peribadi tersendiri dan akan mengalami perubahan dan bertindak jika diganggu tanpa belas kasihan. Alam berfungsi memberi kehidupan yang sempurna kepada manusia jika ia diperlakukan dengan penuh tanggungjawab dan bertimbang rasa. Sebaliknya alam akan memberi kesan negatif jika manusia tidak tahu menggunakan alam dengan sebaik

mungkin. Peribadi manusia ada kalanya boleh diasosiasikan dengan alam jika dirujuk kepada ‘titipan’ dan juga ‘embun’. Fokus kajian ini hanya kepada unsur alam dalam novel *Lamunan Puitis*. Ini menunjukkan bahawa alam amat rapat dengan pengarang. Siti Mariam juga menyatakan bahawa Shahnon Ahmad mempunyai keperibadian tersendiri tentang alam kerana peribadi alam boleh dilihat sama dengan tingkah laku manusia. Alam memerlukan belaian dan kasih sayang daripada makhluk seperti manusia. Kajian berkenaan merumuskan bahawa melalui *Lamunan Puitis* Shahnon Ahmad memperwatakan unsur alam dalam tiga keadaan iaitu, memberi kesedaran terhadap masalah kerakusan pembangunan. Sebagai pernyataan kasih sayang terhadap insan yang bergelar ibu dan sebagai penjelasan terhadap jati diri manusia. Oleh itu, alam yang berkait rapat dengan manusia akan terus kekal dan damai selagi manusia tahu menghargai dan menjaganya sebaik mungkin. Unsur alam amat sesuai digunakan dalam penghasilan bahan sastera bagi menyampai mesej tentang pentingnya cinta manusia kepada alam dan alam adalah sumber kehidupan kepada manusia.

Manakala dalam kajian “*Wacana Penyadaran Lingkungan Hidup Dalam Drama Ozon*” karya Arifin. C. Noor, Cahyaningrum Dewojati dan M. Hum (2010), telah menyatakan secara khusus mengenai lingkungan hidup yang terkandung dalam drama “Ozon” karya Arifin C.Noor. Melalui jalan cerita drama ini pengkaji menyampaikan rasa kekesalan dan kesedihan penulis terhadap kemusnahan alam, akibat sikap tidak bertanggungjawab manusia. Dalam drama “Ozon” pengarang seolah-olah

meragui kesedaran dan kepedulian manusia moden terhadap alam semesta. Drama “Ozon” banyak mengungkapkan idea-idea pengarangnya dengan penggunaan simbol penuh metafora dan simile. Oleh itu drama “Ozon”, adalah sebuah drama Indonesia yang pertama berkaitan dengan alam pada zamannya. Drama “Ozon”, sebuah karya yang tepat dikaji untuk melihat unsur yang berkaitan semiotik di dalam hasil karya Arifin C. Noer yang menyatakan kemusnahan alam hasil kerakusan manusia yang mengejar kemajuan dunia dan akhirnya membawa kemudaratannya kepada kehidupan manusia tersendiri. Kerakusan manusia terhadap alam akan membawa kepada kemudaratannya terhadap kehidupan manusia itu sendiri. Pemodenan yang dikehendaki manusia sebenarnya boleh membawa padah kepada kehidupan manusia itu sendiri, sekiranya kamajuan yang dilakukan tanpa ada perancangan yang teliti.. Oleh itu keperihatinan manusia terhadap alam sekitar amat perlu agar keharmonian alam dapat dipelihara dan dijaga.

Kajian yang bertajuk “*Unsur Alam Dalam Ujana Kreatif Dari Perspektif Seni Bahasa*” oleh Arba’ie Sujud, Norhidayu Kassim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, Che Ibrahim Salleh dan Norhidayu Kassim (2010), telah mengupas penggunaan unsur alam terbahagi kepada empat aspek, iaitu penanda bahasa dalam ujana kreatif. Sesbuah karya sastera akan menimbulkan kesan dan penghayatan yang mendalam sekiranya pembaca dapat memahami perkara yang ingin disampaikan oleh pengarang. Maksud pengarang akan ditanggapi berdasarkan perantara bahasa dan sastera terikat erat dalam jalinan disiplin yang dapat dipadankan.

Kesepadanannya ini berasaskan bahawa bahasa adalah wahana penting dalam wacana bahasa. Oleh itu, penyatuan disiplin ilmu antara bidang bahasa dan sastera terjalin kukuh tanpa suatu pemisahan yang rigid atau teliti. Fungsi dan kedudukan bahasa dalam teks sastera pembaca akan mentafsir dan melakukan jangkaan makna berdasarkan unsur bahasa yang digunakan oleh pengarangnya. Ketepatan pemilihan kata dan diksi digunakan untuk memahami dan mendekatkan jurang makna. Dalam karya kreatif umpamanya, bahasa sangat berperanan penting. Keupayaan bahasa yang digunakan mampu menggalas dan menyelongkar khazanah komunikatif sama ada yang tersurat dan tersirat. Penanda Emotif menandakan bahawa sesbuah karya berkembang berdasarkan konflik-konflik watak yang diwujudkan. Kerencaman konflik ini dipaparkan melalui olahan bahasa yang digunakan oleh pengarang berdasarkan dialog-dialog watak. Contoh, sewaktu berkonflik dialognya berbeza sewaktu dalam situasi gembira atau santai. Begitu juga dalam menggambarkan pelbagai perasaan seperti marah, benci atau sayang, pelbagai penanda bahasa telah digunakan. Semuanya ini dikesan melalui penggunaan ayat, diksi mahupun simbol-simbol tertentu yang mempunyai interpretasi tertentu. Misalnya dalam pantun nasihat Melayu yang sarat dengan penggunaan unsur alam sebagai perlambangan sifat manusia supaya mengikut resmi padi, iaitu semakin berisi semakin menunduk dan bukan menjadi resmi lalang yang semakin meninggi, semakin tidak berisi. Masyarakat seharusnya mengamalkan sifat

merendah diri walaupun sudah berada di peringkat yang tinggi, supaya tidak dibenci oleh masyarakat.

Seterusnya penanda diri kepengarangan menunjukkan penulis mempunyai kemampuan atau kebolehan untuk memanipulasikan bahasa sebaik mungkin. Dalam aspek ini kemampuan berbahasa adalah sebagai suatu anugerah dan bakat seseorang penulis. Sesetengah pengarang yang memilih kata-kata atau diksi yang pelbagai sifatnya, misalnya kata-kata atau diksi yang menggunakan unsur alam untuk melambangkan sesuatu perkara atau perbuatan. Sementara penanda fungsional menyatakan bahawa karya sastera adalah refleksi kehidupan masyarakat. Pengarangsewaktu menghasilkan karya mempunyai tujuan tertentu. Justeru itu wujudnya perbezaan-perbezaan tertentu dari aspek gaya bahasa dan makna yang disampaikan. Penyair melihat unsur alam sebagai sumber inspirasi dalam menghasilkan karya kreatif. Penggunaan bahasa dalam puisi pula terlahir daripada berbagai-bagai sumber alam yang dijadikan panduan untuk menghasilkan sebuah karya sastera yang baik.

Kajian berjudul “*Dua Novel Muslim Burmat: Manifestasi Citra Alam Tentang Laut Dan Lembah*” oleh Haji Morsidi Muhammad (2010), melakukan penelitian terhadap dua novel, iaitu *Empangan* dan *Permainan Laut*, karya Muslim Burmat. Kajian ini mendapati kedua-dua novel menggunakan perlambangan alam untuk memberi makna kepada karya-karya tersebut. Kebanyakan unsur alam dalam beberapa sketsa atau kejadian dalam kedua-dua novel itu merupakan perlambangan yang

mempunyai makna yang tersirat. Dalam novel *Empangan* cerita berpusat di sebuah lembah di kampung Nun. Latar cerita tentang Kampung di sebuah lembah dimanifestasikan melalui sketsa-sketsa alam tertentu untuk memberi makna kepada beberapa peristiwa yang diutarakan dalam novel. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan unsur alam yang dipaparkan dalam beberapa sketsa atau kejadian alam dalam kedua-dua novel itu menghasilkan makna yang tersirat yang ingin disampaikan kepada audien atau pembaca. Perbincangan yang telah dilakukan meliputi unsur alam merupakan sebagai bahan untuk menghasilkan bahan sesebuah karya sastera. Realitinya manusia tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan alam.

Pengkaji telah menggunakan pendekatan firasat dalam menghasilkan kajian kerana alam mempunyai hubungan yang erat dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu dikatakan pakar dalam membuat ramalan tentang peristiwa yang akan berlaku pada masa akan datang dengan memerhatikan alam fenomenanya. Haji Morsidi Muhammad mengulas tentang penggunaan laut dan lembah di dalam novel *Empangan* dan *Permainan Laut* dengan memberi tumpuan kepada alam yang melibatkan ‘lembah’ dan ‘laut’ yang dijadikan sebagai gambaran corak kehidupan manusia yang penuh dengan suka dan duka dalam menjalani liku-liku kehidupan di alam fana.

Sementara Imran Ho Abdullah dalam kajiannya bertajuk novel “*Anjing (Canis Familiaris) dalam Alam Melayu: Satu Analisis Kognitif Semantik*” (2010), meneliti hal yang berkaitan dengan peribahasa haiwan

mengikut susunan kehidupan dalam masyarakat. Kajian itu melihat aspek penggunaan binatang dalam peribahasa mengikut susunan atau kemuliaan haiwan tersebut. Kajian ini melihat anjing dijadikan sebagai lambang tidak baik kerana dalam masyarakat orang Islam haram menyentuh anjing. Manakala binatang yang paling kerap digunakan oleh masyarakat Barat ialah kuda dan lembu. Sementara binatang seperti ayam, itik, serigala, babi, burung, kambing, katak, arnab, tikus dan sebagainya juga kerap digunakan dalam peribahasa Melayu. Umum mengetahui bahawa penilaian masyarakat terhadap binatang adalah berbeza, misalnya singa adalah haiwan yang berani dan mulia, kancil haiwan yang cerdik, anjing haiwan yang setia dan lurus bendul, manakala kucing haiwan yang tidak setia dan mudah berubah hati serta berdikari. Sementara serigala dilambangkan haiwan yang kejam dan pembunuhan, gorila haiwan yang cenderung suka bergaduh dan perbagai lambang diberikan kepada haiwan lain seperti ayam, itik dan sebagainya. Walaupun kajian ini hanya fokus kepada anjing yang digunakan dalam peribahasa Melayu yang banyak melambangkan keburukan.

Kajian ini memperlihatkan model rantaian utama makhluk yang bersifat hierarki untuk menyampaikan satu pandangan rakyat tentang susunan idea dalam dunia nyata. Menurut hierarki ini, setiap haiwan secara protaip berciri kepada tingkah laku naluri masing-masing. Menurut pengetahuan umum, haiwan seperti anjing, kucing, gajah, ayam, burung, arnab dan lain-lain haiwan, mempunyai keupayaan kognitif yang terhad seperti memori dan mengalami emosi. Mengikut metafora rantaian

utama, kesemua ciri-ciri ini menyumbang kepada tingkah laku serta kelakuan haiwan tersebut. Hakikatnya anjing sering dilambangkan mewakili nasib yang tidak baik dan digambarkan sebagai haiwan tidak mengenang jasa dan tidak disukai. Dapatan kajian menyatakan anjing selalu menjadi lambang unsur alam yang berkaitan dengan perkara-perkara yang tidak elok.

Ling Chung Guan dan Rosnidar Ain dalam kajian mereka yang bertajuk “*Dimensi Baru Interaksi Manusia dengan Alam*”(2010) telah mengetengahkan mengenai penggunaan unsur alam dalam puisi sebagai refleksi kepada pengalaman, cabaran dan dugaan manusia dalam kehidupan.

Hasil kajian ini memperlihatkan bagaimana kemudahan teknologi digital telah digunakan dalam proses penghasilan puisi dengan citra alam sebagai perlambangan. Elemen interaktif dapat diaplikasikan dalam penghasilan penulisan puisi siber. Kemudahan teknologi moden ini telah memudahkan penulis menyampaikan mesej melalui gambaran yang boleh dizahirkan di skrin-skrin komputer. Unsur bunyi dan gambar yang dihasilkan memudahkan lagi unsur alam digunakan dalam puisi siber dan amat memberi kesan kepada audien atau pembaca untuk memahami aliran pemikiran penulis. Kajian merumuskan bahawa dunia digital telah memudahkan lagi pengkarya menghasilkan puisi berunsur alam dan amat menarik untuk tatapan umum. Selain itu, segala mesej tersirat dan tersurat dapat dizahirkan dengan gambaran alam seperti burung, ombak, pantai, bunga-bungan, pokok-pokok, sunga, bukit, gunung dan sebagainya.

Manakala Budi Agung Sudarmanto (2010), dalam kajian yang bertajuk “*Metafora Alam Dalam Syair “Misteri Cinta”*” Karya Uly Sigar Rusadi (2010) menganalisis penggunaan unsur metafora alam sebagai salah satu gaya bahasa dalam puisi berkenaan. Unsur metafora alam yang digunakan telah menjadikan hasil karyanya lebih menarik dan indah. Unsur alam sering digunakan oleh pengarang kerana menyayangi alam sekitar. Latar belakang yang berkaitan dengan alam melahirkan puisi-puisi yang berkaitan dengan unsur alam. Hasilnya dirumuskan bahawa metafora adalah sebuah perbandingan antara dua objek atau kumpulan yang tercemin dari satu perkataan yang berkaitan dengan perkaitan yang lain. Dengan kata lain metafora adalah sebuah gambaran pernyataan yang menyatakan bahawa setiap sesuatu perkara itu adalah berbeza antara satu sama lain. Kebanyakan hasil karya kesusastraan yang terhasil adalah berladaskan latar belakang penulis itu sendiri. Penggunaan metafora alam menjadikan karya tersebut lebih indah dan mudah difahami oleh pembaca.

Sementara Fatimah Busu (2010) dalam kajian bertajuk “*Alam Dan Kesan Audio-Visual dalam Karya Fiksyen*”, menyatakan bahawa dalam karya-karya klasik penggunaan unsur alam menjadi elemen penting dalam proses mengembangkan plot cerita. Namun begitu, kesan penggunaan teknik audio-visual daripada sumber alam dapat memberi kesan yang positif terutama bagi menerapkan kesedaran kebudayaan dalam kalangan masyarakat pembaca. Menerusi penggunaan unsur alam, sesebuah karya mampu menerapkan unsur mitos, legenda, cara hidup dan amalan tradisi

sesuatu bangsa. Seseorang pengarang juga akan berusaha menerapkan apa jua motif alam ke dalam karya bagi menampilkan kesedaran kebudayaan dalam kalangan masyarakat. Misalnya rumah orang kampung yang diperbuat daripada kayu seperti kayu merbau, cengal, seraya, meranti dan sebagainya.


Kesan audio-visual juga akan menjadi pemberi isyarat atau petunjuk. Sehubungan dengan penerapan kesedaran kebudayaan ini, alam turut dijadikan sumber petunjuk dan berbagai-bagai isyarat dalam kehidupan masyarakat Melayu yang wajar diterapkan di dalam karya fiksyen Melayu. Selain itu, fiksyen juga penting menerapkan unsur alam melalui implikasi agama, iaitu menerusi sumber al-Quran al-Karim, sirah nabi dan kisah-kisah para wali yang boleh dilakukan dengan kesan audio-visual. Kesan penggunaan audio-visual alam sebagai mercu tanda atau pewarnaan tempatan. Latar tempat adalah suatu ciri yang tidak kurang pentingnya dalam karya fiksyen. Nama-nama tempat yang disebutkan, secara langsung akan menancap minda khlayak pembaca. Ada sesetengah karya yang tidak menyebut secara khusus akan latar tempatnya. Sebaliknya disebut melalui mercu tanda umpamanya negara Jepun digelar matahari terbit atau negara bunga sakura dan sebagainya. Contoh yang jelas dua negeri di negara ini dinamakan sempena nama pokok iaitu negeri Melaka dan Pulau Pinang. Dalam karya fiksyen sering terdapat objek-objek alam yang dijadikan lambang kepada falsafah kehidupan watak-watak. Lazimnya gambaran lautan, gunung, ombak, awan, mendung, hujan, gerimis, pelangi dan

sebagainya. Selain itu, takrif waktu seperti pagi, tengah hari, senja dan malam dijadikan lambang. Gambaran tersebut adalah kesan penggunaan audio-visual transformasi falsafah dan lambang kehidupan. Kesan motif penggunaan alam seperti ini memperlihatkan keakraban manusia dengan alam dan mampu memberikan kesan secara audio-visual dalam karya fiksyen.

Merujuk kajian yang bertajuk “*Simbiosis Masyarakat Iban dan Alam Menerusi Fiksyen Jong Chian Lai*” oleh Hu Ann Leh, Md Salleh Yaapar dan Rahimah A. Hamid (2013) mendapati alam mempengaruhi kehidupan masyarakat Iban daripada aspek cara hidup, budaya dan kepercayaan. Kehidupan masyarakat banyak berkaitan dengan sungai, langit, tanah dan haiwan. Mereka amat menghargai alam sekitar kerana pada masyarakat Iban alam adalah kehidupan mereka yang perlu dijaga. Alam menjadi sumber kehidupan mereka dan amat bermakna. Kehidupan masyarakat Iban dalam lingkungan alam yang mendorong mereka mempunyai kepercayaan berkaitan dengan alam. Perkara yang berlaku dalam kehidupan mereka berkaitan dengan alam dan diberi erti dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai contoh orang Iban amat berhati-hati dengan tingkah laku burung dan haiwan kerana pergerakan haiwan dianggap mengandungi amaran, petunjuk dan juga ramalan peristiwa yang akan berlaku pada masa hadapan. Kajian ini merumuskan bahawa pentingnya alam kepada kehidupan masyarakat Iban. Kerakusan pembangunan di Sarawak telah menimbulkan

kemarahan masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban memusnah hutan milik etnik Iban, adalah sama seperti ‘membunuh’ masyarakat Iban itu sendiri.

Kartini Anuar (2010) dalam kajian yang berjudul “Manifestasi Alam Dalam Syair Ikan Terubuk”, merumuskan unsur alam dan kepekaan pengarang menjadi faktor utama kepada keistimewaan dan keindahan syair “*Ikan Terubuk*”. Kecenderungan pengarang menggunakan simbol alam dalam mengungkap buah fikirannya sehingga menjelaskan kehidupan laut dalam bentuk yang mempunyai kuasa makhluk yang boleh berfikir dan bertindak. Kelebihan pengarang yang kaya dengan perbendaharaan kata berjaya menarik khalayak pembaca untuk mengikuti naratif secara tepat, sekaligus dapat memenuhi estetik, rima dan ritma syair tanpa mengganggu jalan cerita yang ingin disampaikan.



2.3 Kesimpulan Universiti Utara Malaysia

Merujuk kajian-kajian yang lepas mengenai penggunaan unsur alam, masih ada ruang dan kelompongan yang boleh diisi oleh pengkaji, khasnya dalam aspek kajian penggunaan unsur alam dalam novel. Kajian terdahulu banyak berfokus kepada puisi seperti pantun, syair, peribahasa dan hanya sedikit kajian ke atas novel. Walaupun ada pengkaji yang melakukan kajian berkenaan lebih berfokus kepada beberapa aspek sahaja. Aspek kajian hanya diberi perhatian kepada unsur perlambangan, seperti sifat manusia yang tabah, tentang maruah dan jiwa wanita. Jarang terdapat penelitian yang berdasarkan kepada kesan fenomena alam ke atas manusia. Oleh itu, kajian

ini dilakukan berkaitan dengan sosiobudaya masyarakat seperti pembangunan, keagamaan dan perpaduan yang dapat dilihat daripada penggunaan fenomena alam sebagai lambang. Kajian secara menyeluruh mengenai manipulasi alam yang meliputi sosiobudaya dalam penghasilan novel belum dilakukan oleh pengkaji sebelum ini secara terperinci.

Walaupun Haji Morsidi Haji Muhammad telah melakukan ulasan tentang perlambangan dalam novel seperti perkataan ‘laut’ dan ‘lembah’ yang dikaitkan dengan pergolakan hidup manusia. Di sini, dapatlah dirumuskan bahawa kajian dilakukan ke atas novel sebagai mengisi ruang yang masih belum diisi oleh pengkaji terdahulu.




BAB TIGA

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam melaksanakan suatu kajian, pemilihan jenis metodologi yang tepat dan bersesuaian adalah amat penting dan perlu diberi perhatian yang utama oleh pengkaji. Setiap aspek metodologi perlu dipilih dengan baik supaya objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya. Metodologi kajian juga dapat memberi rujukan dan panduan dalam pelaksanaan sesuatu kajian yang akan dilakukan. Melalui kajian ini, pengkaji telah memilih beberapa kaedah yang dianggap dapat memberi input yang baik dalam menghasilkan dapatan kajian yang relevan dan tepat. Dalam bab ini, kajian akan mengemukakan beberapa kaedah yang akan digunakan secara terperinci.



3.2 Data Kajian

Kajian menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan bagi mengumpul maklumat tentang penggunaan citra alam dalam menghasilkan bahan sastera seperti novel. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data kajian. Pendekatan kualitatif merupakan kaedah yang mendeskripsikan data-data yang dikumpulkan daripada bahan-bahan sumber seperti kajian lepas. Pengumpulan data kajian meliputi dua sumber utama, iaitu sumber primer dan sumber skunder. Pengumpulan data primer melalui pembacaan secara

kritis terhadap novel yang dipilih, iaitu *Ombak Bukan Penghalang* (Osman Ayob, 2007). Manakala, sumber sekunder diperoleh daripada jurnal, artikel, tesis, novel-novel yang terdahulu, majalah dan akhbar yang bersesuaian dengan tajuk yang dikaji. Bahan skunder diperlukan bagi memperkuuhkan maklumat kajian yang dilaksanakan di samping memberi pengetahuan baru kepada pengkaji. Artikel jurnal dan tesis yang hampir sama dengan kajian yang dikumpul dan diteliti. Kajian membatasi bahan sumber skunder yang berkaitan dengan penggunaan citra alam sahaja untuk dirujuk. Sumber skunder ini relevan, kerana memberi gambaran tentang bentuk dan langkah kajian yang sewajarnya dilakukan.

Langkah kajian, dimulakan dengan membaca novel-novel hasil penulisan Osman Ayob seperti *Rumpun Nipah Di Tengah Sawah*(1985), *Menyisih Awan Kelabu* (2006), *Ombak Bukan Penghalang* (2007), *Lembah Kencana* (2012) dan *CEO Baru* (2013) dan *Dukham Langit Akhir Zaman*(2013). Melalui penelitian dan pembacaan, kajian mendapati penulis ini gemar mengguna unsur citra alam dalam menyampaikan mesej yang tersirat kepada audien atau pembaca. Berdasarkan novel-novel tersebut, kajian telah memutuskan untuk meneliti novel *Ombak Bukan Penghalang* kerana novel ini telah memenangi anugerah hadiah saguhati Sayembara Mengarang Novel Sempena Perayaan Jubli Emas DBP (2007). Berdasarkan judul novel *Ombak Bukan Penghalang* secara langsung menggambarkan penggunaan unsur alam yang oleh pengarang.

3.3 Tatacara Analisis

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis novel. Kajian secara terperinci mengikut tumpuan yang ditetapkan. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan hasil atau dapatan yang seiring dengan objektif kajian. Kajian menganalisis data dengan membahagikan penggunaan citra alam yang melibatkan flora, fauna, alam semesta, cakerawala dan sosiobudaya masyarakat. Unsur-unsur alam ini akan diteliti untuk mendapatkan makna-makna yang tersirat.

Sebelum analisis dilaksanakan kajian telah mengenal pasti tema dan persoalan dalam novel *Ombak Bukan Penghalang*. Penelitian mengenai tema dan persoalan amat perlu dikenal pasti agar kajian dapat mengetahui tentang tujuan utama penghasilan novel ini. Kajian juga meneliti kajian-kajian lepas, agar dapat mengutip idea dalam menghasilkan dapatan kajian yang lebih baik. Selain itu, kajian juga dapat mengisi lompong yang ada dalam kajian lepas dan berharap penambahbaikan dapat dilakukan dalam kajian ini.

Seterusnya, analisis teks dilaksanakan dengan teliti mengenai manifestasi citra alam yang digunakan oleh pengarang dalam usaha menyampaikan idea dan mesej-mesej membina. Di samping itu, segala jalinan pemikiran penulis dengan alam dapat dibuktikan melalui citra alam yang digunakan dalam hasil karyanya.

3.4 Kerangka Teoritis

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan firasat Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang. Kaedah ini dipilih kerana pendekatan ini dapat digunakan untuk mentafsirkan makna alam sesuai dengan pandangan ataua firasat Melayu. Hashim Awang (1989) pernah menyatakan bahawa di tengah-tengah khalayak sastera Malaysia, suatu gagasan perlunya dibina teori dan kaedah kajian sastera tempatan. Gagasan tersebut menampilkkan keinginan agar karya sastera Melayu dapat dibaca, difaham dan dinilai berdasarkan teori dan kaedah yang berteraskan ciri tempatan dan hasil dapatan daripada sarjana tempatan. Gagasan begini sewajarnya menjadi suatu kebanggaan kepada khalayak sastera tanah air yang telah sekian lama ‘terlena’ dalam pupukan teori dan kaedah dari Barat. Hashim Awang (1989) bukan sahaja menyatakan gagasan tetapi juga mengemukakan idea tentang kaedah kajian sastera Melayu yang berjudul “Kaedah Melayu” (1989) akan menjadi bahan perbincangan dalam kajian ini.

Pengkaedahan Melayu dikemukakan berdasarkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat, masyarakat Melayu yang melahirkan karya-karya seterusnya sendiri. Berdasarkan kepada perkara-perkara tersebut, dalam penerokaan awal telah menemui dua pengkaedahan yang dianggap sesuai dan bermakna. Pengkaedahan pertama disebut ‘Pengkaedahan Alamiah’ dan yang kedua ‘Pengkaedahan

Keagamaan'. Kedua-dua pengkaedahan ini bukannya dianggap sama atau terpisah, sebaliknya ia saling berkaitan antara satu sama lain.

Pengkaedahan Alamiah berteraskan langsung kepada cara atau budaya hidup masyarakat Melayu itu sendiri, iaitu corak hidup yang menjadikan alam sebahagian dari dirinya. Alam merupakan sumber mereka mencari rezeki, pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Sikap masyarakat Melayu dapat dilihat dalam kitab *Tajulmuluk*. sebuah kitab panduan hidup yang terkenal dalam kalangan masyarakat, terutamanya generasi tua. Kitab tersebut menggariskan enam perkara, iaitu tentang manusia, kesihatan (perubatan) manusia, sifat dan gerak laku manusia, mimpi dan firasat, cakerawala dan perumahan. Selain keenam-enam perkara tersebut, kitab *Tajulmuluk* juga turut memperkatakan tentang kejadian alam daripada pandangan Islam, iaitu kejadian tujuh petala langit dan bumi, yang menjadi persoalan tambahan. Berdasarkan semua persoalan tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa yang menjadi pokok persoalan Pengkaedahan Alamiah ialah berkaitan dengan unsur-unsur alam.

Pengkaedahan Alamiah dapat dibahagikan kepada tiga pendekatan, iaitu ‘pendekatan gunaan’ yang beranggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek alam, sama ada objek-objek daripada alam atau objek-objek hasil ciptaan manusia. Objek-objek alam lainnya diciptakan oleh Tuhan, manakala sastera adalah ciptaan manusia. Dalam pegangan ini, sastera dilihat sebagai satu objek alam yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi terentu. Pendekatan moral pula wujud ekoran daripada

tanggapan dasar yang dipengang dalam ‘pendekatan gunaan’, iaitu sastera, dianggap sebagai objek alam, merupakan suatu kejadian alam, tetapi kejadian alam bukan lagi berupa satu kewujudan berbentuk alat atau benda, melainkan bersifat pengalaman hidup. Manakala ‘pendekatan firasat’ sama seperti pendekatan moral, kerana menganggap bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup. Di sini, kejadian tersebut dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup oleh masyarakat Melayu yang sering dianggap bermakna kepada kehidupan.

Seterusnya ‘pengkaedahan keagamaan’ bermaksud pendekatan yang berdasarkan keimanan yang bersendikan akidah agama Islam. Sumber rujukan atau panduan kepada Al-quran dan hadis. Pembentukannya pula adalah bersandarkan kepada tujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan terhadapNya. Berdasarkan ciri-ciri tersebut pendekatan keagamaan, dibahagikan kepada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Pendekatan dakwah melihat sastera sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah. Manakala pendekatan kemasyarakatan pula menganggap sastera sebagai alat pendedahan segala persoalan yang berakarkan kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat, sebagaimana yang dituntut dalam Islam. Dalam konteks ini sastera dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani. Segala permasalahan kemungkar, ketidakadilan, penipuan, kepuraan dan rasuah merupakan punca segala kepincangan dalam


masyarakat dan keimanan insan. Manakala ‘pendekatan seni’ merupakan pendekatan yang menjadikan unsur keindahan dalam sastera sebagai persoalan utama. Keindahan di sini adalah keindahan yang membataskan dirinya kepada nilai-nilai etika Islam, yang pasti tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran Islam. Keindahan yang demikian sifat dan tuntutannya menjadi objek penelitian untuk ditemukan dalam sastera menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya.

Berdasarkan keenam-enam jenis pendekatan yang dikemukakan oleh Hashim Awang (1989), kajian ini cenderung memilih ‘pendekatan firasat’, kerana ia dianggap sesuai untuk melihat pemikiran tersirat dalam karya rapat dengan jiwa dan psikologi orang Melayu. Malah firasat juga boleh dianggap sebagai suatu bentuk ilmu psikologi bagi orang Melayu. Contohnya, pencarian makna mimpi dikenali sebagai takbir, iaitu proses menemukan maknanya menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya. Bertepatan dengan sifat pengakhirannya, sastera juga menyerupai suatu mimpi, iaitu suatu kejadian alam yang mempunyai makna dan pengertian yang penemuannya hanya dapat dilakukan menerusi proses takbir atau tafsiran. Tuntutan melaksanakan tafsiran untuk menemukan maknanya ini memberikan implikasi bahawa sastera memiliki sifat-sifat zahir dan batin, atau yang sering diistilahkan sebagai yang ‘tersurat’ dan yang ‘tersirat’. Sifat zahir atau yang ‘tersurat’ menjadi sebagai penanda (alamat) untuk memperoleh yang ‘tersirat’, itu petanda atau maknanya. Prosesnya itu menyamai juga dengan apa yang berlaku dalam

amalan masyarakat Melayu hendak mengenali kelakuan atau tabiat manusia (sifat batinnya), iaitu melalui keadaan sifat zahir atau sifat fizikalnya. Demikianlah maksud inti pati yang perlu tercapai apabila firasat' digunakan dalam kajian sastera. Maknanya, ia perlu dianalisis dan ditemukan melalui pentafsiran sifat-sifat zahir atau sistem tanda dan lambang yang dimilikinya (Hashim Awang, 1989). Rumusannya pendekatan firasat dapat dilihat melalui rajah yang dilampiran (Lampiran C).

3.5 Definisi Konsep

Dalam kajian ini, beberapa konsep akan digunakan adalah berdasarkan penerangan berikut:



3.5.1 Alam

Manusia yang menghuni dunia ini mahu tidak mahu harus membaca dan mentafsir semua peristiwa yang berlaku dalam alam, pada tanah, air, angin, langit, awan dan sebaginya. Mahu tidak mahu dia harus mengenali secara teliti pergerakan air, udara, musim dan makhluk lainnya (Muhammad Salleh, 2012).

Menurut Mohammad Azmi Ab Rahman (2004) alam boleh ditafsirkan sebagai, alam fizikal atau ruang bawah terbentuk oleh lautan, pantai, gunung-ganang, bukit bukau, tasik dan segala unsur alam semula jadi di muka bumi. Alam menyediakan sungai, laut, tasik dan tanah pejal untuk alur jalan di antara suatu tempat dengan tempat yang lain dan


memungkinkan manusia berhubungan secara akrab (Muhammad Haji Salleh, 2012).

Manifestasi alam adalah proses penggunaan unsur alam yang dijadikan sebagai perlambangan atau imej kepada sesuatu peristiwa. Secara tidak langsung manusia menjadi pemerhati dan menanda dan mengingati fenomena atau perlakuan serta tabiat yang berlaku pada alam (Muhammad Haji Salleh, 2012). Mengikut *Kamus Dewan* (2010) manifestasi alam adalah satu perbuatan yang bertujuan untuk melahirkan, menjelaskan atau menyatakan sesuatu perkara dengan menggunakan unsur alam dan menyatakan bahawa manifestasi alam adalah satu proses yang menjelaskan tentang kejadian alam ada perkaitan atau jalinan dengan kehidupan manusia.

Citra alam merupakan lambang kepada keagungan ciptaan Tuhan dalam satu susunan kehidupan. Susunan tersebut terdiri daripada alam kerohanian, yang berada pada tahap yang paling tinggi. Diikuti oleh alam kejiwaan dan akhirnya alam kebendaan, yang berada pada tahap yang paling rendah. Dalam keseluruhan alam yang berlapis-lapis ini, satu-satunya makhluk yang dikurniakan kedudukan istimewa ialah manusia. Pada hakikatnya manusia terdiri daripada beberapa lapisan unsur iaitu roh,jiwa dan jasad. Masyarakat Melayu memahami alam fizikal itu sebagai bumi atau daratan di ruang bawah yang dipijak dan langit di ruang atas yang tidak bertepi dijunjung pula. Kita mendapati di antara bumi dengan langit, jaraknya begitu jauh untuk dicapai tangan. Tetapi dengan ketajaman dan kedalaman daya peka penyair, bumi dan langit itu digabungkan dan

disatukan dalam satu ruang. Bumi dan langit tidak boleh dipisahkan kerana masing-masing menyempurnakan alam yang luas ini. Bumi yang luas itu terbentuk oleh unsur-unsur alam bersifat tinggi, lebar, dalam, luas dan sempit, misalnya lautan, gunung-ganang dan bukit-bukau. Unsur-unsur ini mengisi ruang tertentu di permukaan bumi menjadikannya sempurna melingkungi manusia sebagai warga bumi (Mohamad Azmi Ab Rahman, 2004).

Citra alam adalah terdiri daripada apa sahaja yang ada di bumi, langit dan lautan. Melalui imej citra alam dijadikan sebagai unsur perlambangan kepada pengkarya untuk menyampaikan apa-apa mesej yang tersurat dan tersirat.



3.5.2 Firasat Melayu

Menurut Hashim Awang (1989) menyatakan bahawa ilmu firasat sebagai salah satu pendekatan dalam kajian karya sastera Melayu secara tidak langsung mengukuhkan lagi idea tentang ‘Medan Petua’ saranan Mohd Affandi Hassan pada tahun 1994.

Manakala merujuk *Kamus Dewan* (2010) menggariskan dua maksud firasat. Pertama firasat sebagai “ilmu pengetahuan mengenai tanda-tanda pada muka (badan dan lain-lain) untuk mengetahui kelakuan atau nasib orang”. Maksud yang kedua ialah firasat sebagai, “Perasaan hati akan terjadi sesuatu sesudah melihat genjala tertentu”. (hlm. 324).

3.6 Kesimpulan

Pada keseluruhan, kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan dan analisis data dengan mencari penggunaan unsur alam yang terdapat dalam novel. Kajian akan menggunakan kaedah yang sesuai bagi menghasilkan dapatan yang menepati objektif kajian yang ditetapkan. Oleh itu, kajian akan menggunakan pendekatan firasat dalam proses menganalisis makna yang tersirat dan tersurat yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada audien atau pembaca.

Kesimpulannya, metodologi dan penggunaan pendekatan yang tepat, adalah penting dalam sesuatu kajian, kerana ia berfungsi sebagai garis panduan serta rangka kerja kepada pengkajian dalam mengenal pasti reka bentuk kajian, sampel kajian, kaedah kajian, teknik mengumpul data serta menganalisis data dan etika kajian. Malahan metodologi dan kaedah mampu membantu serta memudahkan untuk mencapai objektif yang digariskan dalam kajian ini.

BAB EMPAT

CITRA ALAM DALAM *OMBAK BUKAN PENGHALANG*

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini kajian akan mengenal pasti dan menganalisis unsur alam yang sering digunakan oleh pengarang secara lebih terperinci. Kajian akan membuat pentafsiran makna unsur alam yang dizahirkan dengan menggunakan pendekatan firasat. Segala makna yang tersirat dan tersurat yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada audien atau pembaca akan dikupas berdasarkan data-data yang diperoleh daripada novel *Ombak Bukan Penghalang*. Citra alam adalah unsur yang sesuai untuk dikaitkan dengan kehidupan manusia di alam semesta ini. Alam meliputi flora, fauna, manusia, haiwan dan cakerawala (bulan, bintang, matahari, awan, petir, langit dan hujan). Berdasarkan novel ini, keseluruhan unsur alam yang digunakan adalah berlandas kepada gambaran alam yang berkait rapat dengan kehidupan pengarang itu sendiri.

Kajian ini akan dikupas berdasarkan beberapa aspek yang dianggap penting, iaitu meliputi citra alam manusia, fenomena alam, waktu dan cakerawala. Kajian yang akan dilaksanakan sealiran atau selaras dengan objektif kajian dan disokong dengan penggunaan pendekatan firasat. Pendekatan firasat merupakan suatu kaedah berlandaskan lambang, tanda dan penanda. Pendekatan ini dianggap bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

4.2 Citra Alam Manusia

Manusia adalah makhluk yang mempunyai akal dan budi. Manusia adalah sebaik-baik kajadian yang telah dijadikan oleh Allah di bumi ini. Manusia dikurniakan akan fikiran yang waras dan mempunyai perasaan jika dibandingkan dengan kejadian haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Justeru itu, manusia akan bertindak mengikut pemikiran yang waras, mengikut emosi yang negatif dan positif serta mengikut nafsu. Ekoran daripada tindak tanduk manusia yang pelbagai menyebabkan berlakunya banyak peristiwa serta kejadian di muka bumi yang membawa kepada kebaikan dan keburukan terhadap alam dan manusia. Sikap manusia yang sayangkan alam semula jadi akan memberi impak yang baik kepada kehidupan pada masa akan datang. Jika keadaan sebaliknya, alam akan bertindak terhadap manusia. Musibah yang digambarkan berlaku dalam novel, merupakan tindak balas alam terhadap kerakusan manusia yang telah memusnah alam sejak sekian lama misalnya menyebabkan ombak tsunami sehingga memusnahkan bentuk fizikal bumi, manusia dan harta benda. Kemusnahan ini telah menimbulkan pelbagai kesan emosi yang positif dan negatif terhadap manusia.

Kesan emosi ini akan lahir dalam kalangan masyarakat yang ditimpa musibah atau masyarakat sekeliling, sebagai pemerhati kepada kejadian tersebut. Selain itu, musibah boleh mengubah sosiobudaya kehidupan masyarakat itu sendiri. Kesan emosi ini ada buruk dan baik kepada kehidupan manusia di dunia ini. Akibat gangguan emosi boleh

menyebabkan manusia bertindak dengan tindakan yang kurang waras serta mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat di persekitarannya.

Dalam *Ombak Bukan Penghalang* pengarang banyak memaparkan kesan emosi yang dialami oleh watak-watak akibat musibah ombak besar tsunami. Tekanan emosi terjadi seperti kemurungan, menjadi pemarah, kerisauan, kebencian dan sebagainya yang digambarkan dalam novel boleh dianalisis atau diteliti untuk menemukan makna pengarangnya.

Oleh itu, pengarang akan menjelaskan kepada aspek-aspek berikut:

4.2.1 Penanda Emosi

Merujuk Teori Evolusi Emosi yang diutarakan oleh Tomkins (seperti dalam Mok Soon Sang, 2013), menyatakan bahawa emosi kebanyakannya adalah tindak balas semula jadi terhadap ransangan tertentu. Oleh itu, emosi harus dikenali dengan serta-merta tanpa melalui pemikiran dan ini berlaku di bawah kebanyakan situasi. Menurut pandangan mereka juga emosi adalah ditimbulkan sebelum pemikiran (hlm.114). Teori ini menegaskan peranan pemikiran atau emosi adalah kurang, walaupun pembelajaran dan kognisi mungkin ada sedikit pengaruh ke atas emosi manusia.

Merujuk *Kamus Dewan* (2010), emosi adalah suatu perasaan jiwa yang kuat, seperti sedih, gembira, takut, bimbang, resah, benci, dendam, rindu dan marah. Dalam *Ombak Bukan Penghalang* wataknya banyak bermain dengan pelbagai emosi, antaranya sedih, resah, takut, harapan dan gembira. Penduduk Kampung Hujung Tanjung menghadapi pelbagai konflik

dalam kehidupan kesan dari musibah ombak besar tsunami. Masyarakatnya hidup dalam keadaan trauma dan tertekan kesan ombak besar tsunami yang melanda kampung mereka. Kesan tsunami telah membawa banyak kemasuhan alam, harta benda, sumber pendapatan dan kematian. Kesan emosi mempengaruhi setiap tindak tanduk penduduk di Kampung Hujung Tanjung, mereka hidup dalam suasana kegembiraan, kesedihan, ketegangan dan penuh pengharapan. Selain itu mereka turut mengalami kesan gangguan emosi yang teramat sangat akibat pengalaman berhadapan musibah ombak besar tsunami.

Merujuk latar masyarakat dalam *Ombak Bukan Penghalang*, kajian akan berfokus kepada gambaran perubahan emosi yang berlaku kesan daripada ombak tsunami yang melanda Kampung Hujung Tanjung. Antara kesan trauma penduduk Kampung Hujung Tanjung telah diwakili oleh watak Imam Mamat. Imam Mamat digambarkan oleh pengarang tidak dapat melupakan peristiwa tsunami yang melanda kampungnya. Gambaran ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

Imam Mamat tidak akan dapat melupakannya. Sepanjang hayat dia tidak akan dapat melupakannya. Hingga kini pun dia kadang-kadang masih diusik trauma. Terbayangkan malapetaka itu. Dahsyat dan menggerunkan .

(hlm. 1)

Masakan dia boleh melupakannya. Peristiwa yang berlaku tiga bulan lalu itu bagaikan masih tertayang di layar matanya. Pada waktu beginilah, lewat rembang dengan cuaca yang cukup baik, ketika langit tidak dicacati walaupun secarik awan, ketika angin bertiup sedamai pantai peranginan, dia hanya membaca sepotong doa pendek sebaik selesai sembahyang zuhur. Tidak seperti hari-hari sebelum,tengah hari itu ada suatu asakan yang memaut tangkai

hatinya, mendesak dia memendekkan doa kerana telinganya mendengar sesuatu yang aneh. Jemaah yang berada di saf paling belakang pun sama mendengarnya. Bunyi dari arah laut. Masing-masing bersalam dan tergesa-gesa lalu mencorong ke pintu masjid yang terdedah ke laut.

(hlm. 2 – 3)

Dalam petikan tersebut pengarang menghadirkan petanda musibah akan berlaku melalui perasaan risau dan gerak hati Imam Mamat. Pengarang memberi gambaran bahawa musibah akan berlaku melalui rasa berdebar-debar dan keluh resah yang dialami Imam Mamat. Rasa kerisauan dan keresahan telah diwakilkan kepada Imam Mamat. Ini dapat dibuktikan kebenarannya, apabila musibah ombak besar tsunami benar-benar berlaku dan telah melanda Kampung Hujung Tanjung. Pengarang dapat mentafsir firasat atau petanda melalui watak Imam Mamat kerana watak berkenaan merupakan seorang yang sabar dan berhati mulia serta merupakan salah seorang yang dihormati dan disegani dalam kalangan masyarakat kampungnya. Imam Mamat layak untuk menerima tanggungjawab ini kerana dirinya merupakan watak utama dalam novel. Di samping itu, Imam Mamat mempunyai kelebihan pandai berkomunikasi dan amat menghormati orang lain. Gangguan emosi jelas digambarkan oleh pengarang melalui suasana keresahan dan ketakutan penduduk Kampung Hujung Tanjung semasa peristiwa tsunami melanda. Situasi ini dapat digambarkan berdasarkan petikan berikut:

Berpuluh biji mata masing-masing menghala ke arah datangnya bunyi ganjil itu. Alangkah terkejutnya! Masing-masing bagaikan terkapa-kapa, kaki bagaikan tidak mampu melangkah. Kaku dan mati seketika.

“Ya Allah, ombak apakah ini?” Imam Mamat bersuara menggeletar separuh menempik. ”Ombak besar !” sahut Lebai Dolah denga mata seolah-olah tidak berkejip memandang gulungan ombak yang tingginya menggunung.

“Ya, Ombak besar !” tokok Maulud dengan suara bergetar. Ada segunung debaran menggempur dalam dadanya. Dia masih berdiri di pintu depan masjid bagaikan tidak tahu ke mana mahu membawa dirinya yang tidak kuat lagi untuk berlari itu.

(hlm. 3)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang berjaya menggambarkan rasa tertekan, takut dan resah watak semasa berhadapan dengan kejadian ombak besar tsunami. Gambaran ketakutan sukar untuk dibayangkan oleh semua penduduk, masing-masing hanya mampu pasrah pada ketentuan takdir Tuhan.

“Dahsyatnya ombak!” Mat Usin pula bersuara panik. “Lari! Lari!” laung beberapa suara lagi lalu melangkah turun tangga masjid tanpa sempat memakai kasut.

“Dahsyatnya Jangan ke mana-mana,” laung Imam Mamat sekutu hati. “Ombak semakin dekat. Apa pun berlaku, biarlah kita dalam masjid ini”.

“Tak boleh tuk iman.” sanggah Mat Usin. “Isteri dan mentua saya ada di rumah. Saya mesti pulang.”

Mat Usin dan beberapa orang lagi berlari kencang ke rumah masing-masing. Iman Mamat tidak dapat berbuat apa-apa. Dia tidak ingat itu semua, isteri dan dua anaknya ikut berjemaah.

“Masing-masing jangan ke mana-mana.” pinta Imam Mamat sambil menggamit anak dan isterinya menghampirinya. “Apa pun berlaku, biar kita berada dalam rumah Allah ini.” Dalam keadaan panik dan bunyi deburan ombak semakin membising. “Imam Mamat bersuara lagi, ”Mana yang sempat, mari kita ke tingkat atas.”.....

(hlm.3-4)

Merujuk petikan, penduduk mangalami tekanan emosi yang serius semasa berhadapan dengan peristiwa ombak besar tsunami. Pengarang menggambarkan suasana penuh kekalutan, kerisauan, rasa tanggungjawab terhadap keluarga dan ketakutan berdepan dengan musibah. Pengarang juga berjaya menggunakan citra alam ombak, ribut, hujan, tumbuh-tumbuhan, manusia, rumah, kenderaan dan sebagainya, bagi membayangkan dahsyatnya peristiwa ombak tsunami yang melanda Kampung Hujung Tanjung. Pembaca boleh merasakan seolah-olah berada bersama-sama dalam peristiwa tersebut. Pengarang bijak memanipulasi alam bagi membayangkan saat yang penuh keperitan dan ketakutan.

Selain itu, pengarang telah berjaya memanipulasi citra alam bagi membayangkan suasana yang berlaku di lautan semasa peristiwa ombak tsunami melanda. Pembaca dapat membayangkan suasana tersebut melalui petikan dalam novel yang menggambarkan suasana yang kelam kabut pada masa itu, terpaksa berhadapan situasi yang penuh ketakutan, kebimbangan dan keperitan. Ombak begitu pantas memusnah apa saja yang hadir di hadapannya, sama ada tumbuh-tumbuhan haiwan, harta benda dan manusia. Manusia sudah tidak berdaya melawan tindak balas alam yang luar biasa dan mereka hanya mampu berserah pada ketentuan Tuhan. Petikan di bawah menunjukkan alam mula bertindak terhadap makhluk di bumi:

Buih-buihnya memutih, memercik bagaikan manik-manik salji tebal, berkilau indah dipanah matahari, berbanjaran dan bergelung-gelung, berputar-putar dengan amat laju menghampiri pantai. Air laut yang

surutnya luar biasa tadi, membentuk hamparan pantai kelebur lebih dua kilometer jauhnya. Kini pantai kelebur berselut itu sedang dihempas ombak besar lagi ganas. Bergulung-gulung, berguling-guling, berpusar-pusar membalun apa sahaja. Bunyinya seperti guruh yang maha dahsyat. Dengungnya yang menggeleper sungguh menggerunkan. Bunyi seperti guruh itu sebentar kemudian bertukar menjadi seperti bunyi pesawat raksasa sedang mendarat

(hlm. 5)

Penggunaan gaya bahasa imajan dan diksi menjadikan plot cerita lebih realistik dan amat menggerunkan audien atau pembaca. Suasana penceritaan tidak membosankan kerana pengarang begitu bijak memanifestasi suasana alam, sehingga audien atau pembaca boleh membayangkan suasana tsunami yang benar-benar dahsyat dan amat menakutkan. Suasana alam yang digambarkan oleh pengarang menyerupai pelakuan manusia. Pengarang telah berjaya menghasilkan satu gambaran pemikiran yang benar-benar realistik dan menarik.

Pengarang telah memanipulasi sumber alam seperti manusia, bagi menggambarkan suasana kehidupan masyarakat yang ceria dan gembira kerana dapat melupakan kepahitan silam. Di sebalik gambaran kehidupan yang duka, pengarang masih melontarkan idea bahawa setiap musibah itu pasti ada hikmahnya. Masyarakat setempat mula ceria setelah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Gambaran majlis kenduri-kendara, aktiviti persatuan atau menjalani aktiviti perniagaan dan kemasyarakatan telah menunjukkan wujudnya suasana yang ceria dan gembira. Kesan musibah telah banyak memberi perubahan sosiobudaya masyarakat

Kampung Hujung Tanjung. Suasana ini telah dipamerkan oleh pengarang berdasarkan beberapa petikan:

Selepas Imam Mamat membaca doa, Datuk Fakir tidak terus makan bersama-sama tetamu yang ramai itu. Puas beramah mesra dan bersalam dengan para tetamunya, dia menghampiri tempat makanan dan lauk-pauk diletakkan dan ikut serta membantu pekerja di situ menyenduk gulai dan sayur ke dalam pinggan tetamunya yang berderet panjang....

(hlm.130)

Pengarang memberi gambaran tentang kehidupan masyarakat kampung yang harmoni dan saling tolong-menolong antara satu sama lain. Golongan yang berkemampuan akan membantu mereka yang lemah, terutama kepada golongan yang susah atau miskin. Dalam novel ini watak pembela masyarakat Kampung Hujung Tanjung telah diberikan kepada Datuk Fakir dan Imam Mamat. Datuk Fakir seorang jutawan dari Kuala Lumpur yang banyak membantu masyarakat Kampung Hujung Tanjung dan dengan memulih serta membangunkan fizikal kampung tersebut. Kampung Hujung Tanjung telah terkenal dalam bidang pelancongan dan turut memberi sumber pendapatan kepada penduduk kampung. Suasana tersebut telah dijelaskan dalam petikan berikut:

"saya ni nak tinjau bahagian-bahagian yang perlu dibaiki," balas Jefri setelah selesai bersalam dengan semua AJK masjid. "Silakan", Imam Mamat tersenyum senang dan mengiringi Jefri melihat sekitar bahagian luar masjid yang akan dicat semula.

(hlm.189)

Petikan di atas, berkaitan dengan kehidupan masyarakat Kampung Hujung Tanjung yang sentiasa bermuafakat dan berbincang dalam apa juga keputusan atau aktiviti yang akan dijalankan di kampung mereka. Kehidupan bermuafakat boleh membawa kebaikan kepada semua penduduk Kampung Hujung Tanjung. Kehidupan penduduk Kampung Hujung Tanjung kembali ceria setelah tiga tahun peristiwa tsunami berlaku.

Walaupun bencana atau musibah tidak diingini oleh manusia namun musibah tetap datang juga. Di sebalik kejadian musibah pasti ada kebaikan dan pengajarannya. Kebaikan yang diperolehi penduduk kampung ialah, keadaan fizikal dan ekonomi penduduk kampung telah berjaya dipulihkan hasil bantuan orang-orang yang berkemampuan. Di sini dapat dirumuskan bahawa pengarang berjaya memanifestasikan unsur alam manusia bagi menyampaikan kesan emosi yang dialami oleh penduduk akibat musibah yang melanda. Pengarang berjaya memaniferasi unsur alam sehingga ia seolah-olah dialami oleh audien atau pembaca itu sendiri.

4.2.2 Pembangunan Kendiri Insan

Kemusnahan dan kehilangan boleh membawa kepada tekanan jiwa raga manusia yang amat mendalam. Begitulah situasi yang terpaksa dilalui atau dihadapi oleh masyarakat di Kampung Hujung Tanjung. Mereka hidup dalam suasana yang trauma, ketakutan dan kebimbangan kesan pengalaman berhadapan dengan ombak besar tsunami. Manusia tidak mampu meneruskan kehidupan, seandainya tidak mempunyai nilai jati diri yang

tinggi. Justeru itu, pengarang telah memaparkan beberapa watak utama sebagai wakil kepada semangat jati diri yang kuat.

Pembangunan kendiri insan perlu dipupuk agar semangat jati diri dapat dibangunkan dengan usaha dan sikap positif berhadapan segala musibah yang menimpa. Diri sendiri perlu berusaha melupakan segala kepahitan dan menerangkan perkara-perkara positif untuk membentuk jati diri menjadi insan yang berkualiti. Menurut Arieff Salleh dan Wardah Mokhtar (2007), konsep kendiri meliputi sikap, kepercayaan, nilai, keinginan, tanggapan dan juga harga diri. Melalui novel *Ombak Bukan Penghalang* terdapat sifat dalam pembangunan kendiri insan yang dikenal pasti iaitu keteguhan jati diri dan nilai kemanusiaan.

Oleh itu, penanda jati diri menurut Abdullah Hassan (2009), jati diri bangsa dan jati diri individu tidak dapat dipisahkan kerana bermula dengan pembentukan jati diri individu akan membentuk pula jati diri masyarakatnya. Jati diri bolehlah dirujuk sebagai pegangan yang diamalkan oleh seseorang dan seterusnya membentuk cara pemikiran, cara hidup dan penampilan diri yang melambangkan tradisi bangsa dan jati diri kaumnya.

Keteguhan jati diri individu dapat dilihat pada watak Imam Mamat dan Datuk Fakir. Manakala jati diri masyarakat dapat dilihat pada masyarakat Kampung Hujung Tanjung itu sendiri. Mereka tabah meneruskan kehidupan, walaupun ramai yang kehilangan ahli keluarga, harta benda dan sumber pendapatan. Penduduk Kampung Hujung Tanjung, tabah meneruskan kehidupan dan telah berjaya membangun kampung


halaman dalam masa tiga tahun. Kampung Hujung Tanjung telah menjadi pusat perlancongan yang terkenal dan ramai penduduk mendapat pekerjaan di sektor perlancongan dan perhotelan.

Merujuk beberapa petikan dalam novel pengarang telah berjaya menggunakan citra alam manusia dengan sebaiknya, untuk membuktikan terdapatnya sifat jati dalam kalangan penduduk Kampung Hujung Tanjung.

Sifat jati diri individu dapat dilihat:

Bila disatukan, ia sudah menjadi 123 tandatangan. Angka ini cukup menarik dan diharap mendapat perhatian bertat Pejabat Agama, kata malik lagi setelah Luqman membisu.

(hlm. 320)



Imam Mamat terus menjalankan tugasnya seperti biasa. Tidak menjadi masalah baginya jika ada pegawai dari pejabat agama datang mahu membuat siasatan.

(hlm. 361)

Petikan tersebut menggambarkan telah berlaku komplot sebahagian penduduk kampung yang cuba menjatuhkan Imam Mamat dari jawatannya, sebagai iman di masjid Kampung Hujung Tanjung. Namun Imam Mamat tabah berhadapan dengan segala ujian yang mendarat dan akhirnya beliau terus kekal menjadi iman di kampungnya. Terdapat banyak ujian dan dugaan yang terpaksa dihadapi oleh Imam Mamat, terutama dalam proses menyatupadukan penduduk dan membangunkan kembali Kampung Hujung Tanjung. Beliau terpaksa memulih gangguan emosi penduduk kesan dari musibah tsunami. Namun hasil ketabahannya, penduduk kampung kembali bersatu dan keadaan fizikal Kampung Hujung Tanjung pulih dan maju.

Watak Datuk Fakir juga menjadi lambang kepada sifat jati diri. Beliau tabah berhadapan dengan kesulitan hidup di zaman kanak-kanak. Sejak kecil beliau telah kehilangan ibu dan ayahnya yang meninggal dalam kebakaran. Datuk Fakir terpaksa tinggal di rumah anak-anak yatim dan kemuadian dibesarkan oleh seorang jutawan. Datuk Fakir tabah membina syarikat hartanah Insan Padu Berhad, sehingga menjadi sebuah empayar yang maju dan terkenal hampir seluruh dunia. Beliau dikatakan mempunyai semangat jati diri kerana berhati mulia sanggup berkongsi kekayaannya dengan sesiapa saja yang ingin berjaya. Datuk Fakir juga sanggup berdepan dengan cemuhan dan cacaian sebahagian pengikut Luqman dan Malik dalam usaha membangunkan Kampung Hujung Tanjung sebagai pusat pelancongan dan perniagaan. Semangat juang dan jati diri yang kental, Datuk Fakir telah berjaya mewujudkan impianinya itu. Antara kejayaan yang telah dicapai ialah:

Keesokanya lagi berlangsung upacara perasmian pusat Pelancongan Hujung Tanjung oleh YAB Menteri Besar Kedah. Itulah nama yang dipilih. Belum pernah dalam hidup Imam Mamat, dia menyaksikan acara perasmian yang begitu hebat.

(hlm.463)

Watak Fuad juga layak untuk dianggap mempunyai semangat jati diri yang teguh. Beliau tabah berhadapan dengan pelbagai kerentahan penduduk Kampung Hujung Tanjung. Fuad sebagai pembantu Datuk Fakir bijak mengatur strategi semasa mendepani cabaran dan dugaan dari pemilik tanah yang ingin dibangunkan oleh Syarikat Insan Padu Berhad, sebagai

pusat pelancongan. Antara dialog beliau dengan penduduk kampung adalah seperti berikut:

Ke mana saya akan membawa diri setelah tanah tersebut dimajukan kelak? Soal Zahid dengan suara mendegus. “Encik jangan bimbang.” Fuad berkata dengan nada lembut. “Encik tidak akan dianiayakan. Kami akan membayar ganti rugi ke atas rumah encik. Di samping itu, encik akan diberi peluang menetap di rumah nelayan yang diberikan.”

(hlm.339)

Jati diri kemasyarakatan jelas dilihat pada keseluruhan penduduk kampung seperti Imam Mamat, Hamdan (anak Imam Mamat), Zahid, Mat Zani, Bahadom, Itamta, Munah Janda, Hasanuddin dan semua penduduk. Mereka ini adalah antara insan-insan yang kehilangan tempat tinggal, kenderaan, ahli keluarga dan bot-bot nelayan Namun mereka tetap tabah meneruskan kehidupan seperti biasa dalam serba kekurangan. Walau bagaimanapun ketabahan mereka akhirnya membawa kejayaan dan kebahagian.

Pengarang berjaya memaparkan penggunaan unsur alam manusia, dengan mewarnai watak-watak dengan pelbagai gaya. Watak-watak yang baik seperti Imam Mamat, Datuk Fakir, Fuad dan penduduk kampung lain dengan watak jati diri yang kental.

4.2.3 Penanda Nilai Kemanusiaan

Seterusnya aspek penanda kemanusiaan pula merupakan ukuran nilai bagi mutu atau kualiti seseorang insan atau masyarakat yang bergelar insan.

Insan merujuk kepada kepandaian dan kebolehan fizikal dan mental mengikut fitrah kejadian yang secara keseluruhan boleh berfikir dan bertindak mengikut kawalan pemikiran yang waras. Ramli Isin (1996) menyatakan sistem nilai penting dalam kehidupan manusia sehari-hari, terutama nilai-nilai positif dan membangunkan sifat. Lazimnya dalam sesebuah novel Melayu, watak-watak manusia atau watak-watak lambang yang digambarkan secara positif dalam pelbagai aspek, dianggap sebagai watak-watak yang mempunyai akhlak mulia dan dapat diterima oleh kelompok masyarakat yang secara bersama-sama mengamalkan akhlak seperti itu. Watak-watak demikian dianggap mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi. Merujuk *Kamus Dewan* (2010), nilai kemanusiaan juga merupakan nilai positif seperti baik hati, simpati, ampeti, bertanggungjawab, hormat, kasih sayang dan sebagainya.

Dalam novel ini, banyak nilai kemanusiaan telah dizahirkan oleh pengarang. Imam Mamat, Datuk Fakir, Fuad dan Hamdan antara watak utama yang mempunyai nilai kemanusiaan kelas pertama. Imam Mamat digambarkan sangat mulia hatinya dan sentiasa berfikiran positif dalam menangani setiap permasalahan dan dugaan yang mendatang. Beliau diberi watak sebagai penyelesa masalah, pendamai, idola dan pemberi kasih sayang. Seorang yang suka membantu dan tidak mudah bertindak balas jika dikhianati oleh segelintir masyarakat kampungnya. Kebaikan dan kemuliaan hati Imam Mamat dapat dirujuk berdasarkan petikan yang berikut:

"Lari! Lari!" laung beberapa suara lagi lalu melangkah turun tangga masjid tanpa sempat memakai kasut.


"Jangan ke mana-mana," laung Imam Mamat sekuat hati. "Ombak semakin dekat. Apapun berlaku, biarlah kita dalam masjid ini."

(hlm. 3).

Berdasarkan petikan tersebut, Imam Mamat sangat bertanggungjawab dan sayangkan anak buahnya. Walaupun dalam kekalutan dan ketakutan beliau masih mementingkan keselamatan orang lain, seolah-olah keselamatan dirinya sendiri tidak penting.

Semua orang berpusu-pusu menaiki tangga tingkat atas. Imam Mamat mendahului setelah pasti anak dan isterinya ikut bersama. Dan , apabila dia berada pada tempat di mana dia berdiri sekarang. Imam Mamat terpegun menyaksikan ‘fenomena alam yang luar biasa itu’. Dari tempat dia berdiri, dia dapat melihat dengan sejelas-jelasnya.

(hlm. 4)



Merujuk petikan, Imam Mamat juga bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya. Beliau, terlebih dahulu memastikan semua ahli keluarganya ada, barulah beliau menyamatkan dirinya.

"Insha-Allah akan saya aturkan tempatnya," kata Imam Mamat setelah tetamunya menghirup kopi. "Tempat yang saya fakir sesuai, di tanah lapang, tepi laut dekat simpang jalan masuk ke kampung ini."

(hlm. 14).

Imam Mamat sentiasa bersedia memberi kerjasama kepada sesiapa sahaja yang ingin memberi bantaun kepada penduduk kampungnya. Dalam novel ini, pengarang juga, telah menonjolkan watak Datuk Fakir yang mempunyai sifat pemurah, perihatin dan bersimpati dengan nasib yang

menimpa penduduk Kampung Hujung Tanjung. Kenyataan ini dapat dibuktikan berdasar petikan:

“Kerana sambutan yang menggalakkan juga, kerana keperihatinan CEO saya kepada penduduk kampung ini, beliau bercadang mahu meneruskan jamuan untuk tempoh lima bulan lagi” Fuad tidak mahu membuang masa.

(hlm.24)

Datuk Fakir sangat pemurah dan baik hati, beliau sanggup menjamu penduduk Kampung Hujung Tanjung pada setiap Jumaat, selama lima bulan. Harapan beliau semoga dengan jamuan ini dapat meringankan bebanan penduduk di samping memberi sinar baru kepada penduduk kampungnya itu.

Runtunan simpati Datuk Fakir tidak berakhir di situ sahaja. Dia berazam untuk berbuat sesuatu. Dan, azam itu menjadi lebih menebal dalam sanubarinya apabila dua hari kemudian dia bersama-sama beberapa tokoh koporat lagi berpeluang melawat Aceh.

Universiti Utara Malaysia

(hlm. 78)


Datuk Fakir bukan sahaja ingin membantu penduduk kampung dengan makanan, namun beliau juga mempunyai agenda tersirat, iaitu ingin membantu penduduk kampung dari aspek pembangunan emosi dan ekonomi.

Keperihatinan masyarakat Kampung Hujung Tanjung saling bantu membantu antara satu sama lain juga telah membawa kepada pemulihan sepenuhnya keadaan fizikal kampung tersebut. Percaturan watak-watak sampingan seperti Hamdan, Fuad, Lebai Dolah, Bilal Ripin, Samad dan

lain-lain melancarkan lagi program pembangunan kemanusiaan yang dirancang oleh Datuk Fakir, Imam Mamat dan pihak berwajib.

Merujuk novel ini, tidak dinafikan terdapat nilai kemanusiaan yang negatif seperti watak Malik, Lebai Derani, Satar, Hamid dan Lokman. Watak-watak tersebut diwujudkan sebagai penentang kepada pemulihan dan pembangunan Kampung Hujung Tanjung.

Walau bagaimanapun gabungan nilai kemanusiaan yang positif dan negatif, telah membawa kepada penghasilan plot cerita yang menarik. Di samping itu pengarang telah berjaya melahirkan nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (Osman Ayob, 2007), sebagai pengajaran kepada pembaca.



4.3 Citra Alam dan Fenomena Alam

Citra alam, adalah yang berkaitan dengan segala benda yang berada di bumi, langit dan lautan. Di bumi terdapat flora, fauna dan manusia, manakala di lautan terdapatnya ombak, pasir, pantai, segala hidupan seperti rumpai, ikan, ketam, udang dan sebaginya. Di langit terdapatnya cakerawala seperti bulan, bintang, matahari, awan, petir dan hujan.

Fenomena alam merupakan peristiwa yang berlaku di bumi, yang membawa kepada kemasuhanan segala makhluk alam. Kemasuhanan yang melibatkan kehilangan nyawa, harta benda, tempat tinggal dan punca pendapatan. Fenomena alam mungkin berlaku kesan daripada ekosistem semulajadi alam yang tergugat hasil pembangunan yang tidak terancang

oleh manusia. Fenomena alam boleh membawa kepada kemudarat dan kesusahan kepada manusia. Dalam *Ombak Bukan Penghalang*, ombak tsunami merupakan satu kejadian fenomena alam yang dahsyat dan banyak membawa kepada kemasuhan dan kehancuran bentuk fizikal alam, manusia dan harta benda. Kemasuhan alam telah membawa penderitaan kepada makluk seperti manusia, haiwan dan tumbuhan.

Semua orang berpusu-pusu menaiki tangga tingkat atas. Imam Mamat mendahului setelah pasti anak dan isterinya ikut bersama. Dan, apabila dia berada pada tempat di mana dia berdiri sekarang. Imam Mamat terpegun menyaksikan ‘fenomena alam yang luar biasa itu’. Dari tempat dia berdiri, dia dapat melihat dengan sejelas-jelasnya.

(hlm. 4)



Petikan di atas menggambarkan tentang fenomena alam daripada lautan. Ombak tsunami telah memusnahkan segala apa yang ada di bumi. Peristiwa ini menggambarkan bahawa fenomena alam boleh berlaku bila-bila masa sahaja, jika telah dikehendaki oleh Allah. Peristiwa seperti ini telah digambarkan dalam surah Yasin seperti yang difikirkan oleh Imam Mamat.

Dia teringat sepotong ayat dalam surah Yasin yang bermaksud, ‘Ya, Dia yang menciptakan lagi Maha Mengetahui. Sesunguhnya semua urusan, apabila Allah menghendaki segala sesuatunya, Allah hanya berkata: “Jadilah”, maka jadilah’.....

(hlm. 8)

Fenomena alam mempunyai pelbagai jenis, antaranya seperti ombak tsunami, gempa bumi, banjir, ribut taufan dan sebagainya.

4.3.1 Ombak Besar Tsunami

Ombak ibarat kawan ketika kecil dan akan menjadi lawan kepada manusia apabila mula mengganas. Pandangan tersebut ada kebenarannya jika merujuk Muhammad Haji Salleh (2012) bahawa:

walaupun alam ini indah dan sering kali ajaib, tetapi dalam persepsi dan pengalaman orang Melayu ada sudutnya yang mendekati sifat yang lebih ganas. Dalam hal ini mereka tidak sentimental dalam menilai hutan, laut dan udara. Walaupun keindahan, kelembutan dan sumbangannya diiktiraf, namun hakikat gelapnya sebagai perosak perahu dan bangsal, penghalang hasrat dan pembunuhan nelayan atau pemburu masih diingat dan dirakam dalam bahasa naratif (hlm. 3).

Lautan bukan sahaja dihidupkan oleh semangat ghaibnya, malahan diserikan oleh buih-buih putih yang pecah di tepi pantai, diderukan oleh bayu laut dan mungkin dibingitkan oleh muzik gelombangnya yang pecah di batu akibat tolakan angin yang kuat, (Mohamad Azmi Ab Rahman, 2004).

Ombak merupakan satu gerakan buih-buih air yang turun naik bergulung-gulung, merupakan satu gelombang kecil dan hanyut dibawa ke tepi pantai. Manakala ombak tsunami merupakan satu gerakan gelombang air yang besar, bergerak dengan laju ke arah daratan dan memukulnya dengan kuat. Kesan pukulan ombak tsunami telah membawa kepada kemusnahan alam haiwan, tumbuhan, harta benda dan manusia.

Merujuk novel ini kehidupan penduduk Kampung Hujung Tanjung telah musnah, kesan pukulan ombak besar tsunami. Terdapat beberapa peristiwa yang melibatkan unsur alam tertentu yang menjadi petanda (alamat) atau pembayang kepada sesuatu kejadian buruk akan berlaku. Antara beberapa kejadian yang berkaitan dengan peristiwa ombak besar

tsunami ialah, penduduk mengalami pelbagai peristiwa aneh yang membawa petanda kepada sesuatu peristiwa buruk akan berlaku. Peristiwa tersebut seperti petikan berikut:

Tidak seperti hari-hari sebelumnya, tengah hari itu ada suatu asakan yang memaut tangkai hatinya, mendesak dia memendekkan doa kerana telinganya mendengar sesuatu yang aneh. Jemaah yang berada di saf paling belakang pun sama mendengarnya. Bunyi itu dari arah laut. Bunyi itu dari arah laut. masing-masing bersalam dan tergesa-gesa lalu mencorong ke pintu masjid yang terdedah ke laut. Berpuluhan biji mata masing-masing menghala ke arah datangnya bunyi ganjil itu. Alangkah terkejutnya! Masing-masing bagaikan terkapa-kapa, kaki bagaikan tidak mampu melangkah. Kaku dan mati seketika.....

(hlm. 3)



Merujuk petikan tersebut penduduk kampung atau jemaah masjid telah merasakan bahawa perkara yang aneh akan berlaku melalui gerak hati masing-masing. Mereka berada dalam keadaan resah dan gelisah secara tiba-tiba. Mereka juga mendengar bunyi yang kuat dari arah laut. Situasi ini memberi petanda bahawa sesuatu perkara yang buruk akan berlaku di kampung mereka. Dalam petikan tersebut penulis telah menggunakan elemen firasat atau petanda tentang sesuatu peristiwa buruk akan berlaku melalui gerak hati, kegelisahan, dan hati berdebar-debar. Peristiwa tersebut telah dialami oleh Imam Mamat dan jemaah masjid yang lain. Petanda yang membawa kepada kerisauan dan rasa kasih sayang dan tanggungjawab terhadap orang yang disayangi digambarkan oleh pengarang melalui petikan berikut:

"Ya Allah, ombak apakah itu?" Imam Mamat bersuara mengeletar separuh menempik. "Ombak besar!" sahut Lebai Dolah dengan mata

seolah-olah tidak berkejip memandang gulungan ombak yang tingginya menggunung. "Ya ombak besar!" tokok Maulud dengan suara bergetar. Ada segunung debaran mengempur dalam dadanya.....

(hlm. 3)

Kesan ombak besar tsunami juga telah membawa kesan emosi yang lama kepada penduduk kampung. Penduduk masih terkenangkan peristiwa yang menimpa diri mereka, walaupun peristiwa tersebut berlaku tiga tahun yang lalu. Situasi ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Imam Mamat terharu, ada dalam kalangan penduduk hingga ke hari ini masih bercerita tentang ombak besar yang dahsyat itu melanda seisi kampung dan mengorbankan Junus, Berahim, Latif, Tuk Meriam yang lumpuh, Kasa, Rauf dan lima orang lagi dan kemudian ditemui dalam keadaan amat menyedihkan dalam longgokan sampah sarap dan rumah runtuh.

(hlm. 159).

Pengarang telah berjaya menyampaikan mesej yang tersirat bahawa kita adalah manusia yang lemah. Lantaran tindakan ombakpun kita boleh musnah dan berada di tempat yang hina iaitu di dalam longgokan sampah. Pengarang cuba menyampaikan mesej bahawa kita sebagai manusia tidak boleh memandang rendah pada alam.

Imam Mamat sendiri tidak dapat melupakan bagaimana Mat Usin, tengah hari itu berlari pulang dari masjid kerana isterinya berada di rumah. Mat Usian terkorban sebelum sempat sampai ke rumahnya dan mayatnya dilambung tsunami selut dan tersangkut dicelah pelepas nipah, penuh dibalut selut lumpur di belakang rumahnya. Isteri dan ibu mentua Mat Usin yang berada dalam rumah ketika kejadian turut terkorban.

(hlm.159 - 160).

Petikan tersebut menggambarkan kekuasaan alam ke atas manusia, alam menjadi lebih berkuasa kepada manusia. Kesan tindakan alam yang luar biasa boleh meragut nyawa manusia, biarpun manusia beranggapan ia kuat dan dapat menguasai alam.

Walau bagaimanapun bagi orang yang beriman dapat menerima segala musibah ombak besar tsunami sebagai ujian dan teguran Allah kepada hambanya yang alfa atau lalai. Ujian ini telah membawa kebaikan juga akhirnya kepada penduduk Kampung Hujung Tanjung. Pengarang telah selitkan unsur keredhaan penduduk berdasarkan petikan:

"Adapun bencana tsunami yang melanda kampung itu satu ujian daripada Allah. Ujian Allah itu berlaku dalam pelbagai bentuk seperti bencana alam, kematian, kekayaan, kemiskinan, kesihatan dan kesakitan. Perkara ini membuktikan siapakah yang sabar serta tetap bertuhankan Allah dalam apa juga keadaan yang ditempuhinya," kata Imam Mamat sesudah mengimankan solat subuh kepada jemaah yang memenuhi bilik darjah yang tingkapnya dibuka luas-luas.

Universiti Utara Malaysia (hlm.160 – 161).

Fenomena alam seperti ombak, ialah suatu peristiwa yang lumrah berlaku kepada kehidupan manusia. Fenomena alam boleh membawa kesan negatif seperti kemasuhan harta benda, kehilangan nyawa dan kesedihan kepada manusia. Walau bagaimanapun fenomena alam akan berlaku akibat daripada sikap manusia itu sendiri. Manusia sanggup memusnahkan alam tanpa memikirkan kesan pada masa panjang. Melalui peristiwa ombak besar tsunami yang melanda penduduk Kampung Hujung Tanjung, pengarang cuba menyelit unsur pengajaran kepada audien, bahawa kesan kemasuhan

alam adalah berpunca daripada sikap manusia itu sendiri dan kesannya amat buruk.

4.3.2 Waktu

Bumi yang dihuni manusia dan cakerawala yang lebih besar ditandai perjalanan waktu. Pada batu di pantai waktu diukur dalam kiraan jutaan tahun, waktu dalam sejarah pula dalam jangka waktu dalam jangkaan waktu ribuan tahun, dan hidup manusia yang lebih singkat, dalam kiraan puluhan tahun, dari saat lahir melalui zaman kanak-kanak, remaja serta dewasa perjalanan waktu terus dibahagikan mengikut zaman-zamannya. Orang Melayu tradisional menanam sebatang pokok kelapa sewaktu seorang anak baru lahir untuk mengukur usianya, dalam suatu perbuatan simbolik yang menyatakan bahawa manusia berkembar dengan alam dan alam menemani dan mengukur usia serta kesihatan individu itu. Seterusnya perjalanan sesuatu hari juga perlu diukur untuk menjadi pedoman kehidupan hariannya. Matahari dan bulanlah yang terpenting, bukan sahaja untuk hari tetapi bulan dan tahun (Muhammad Haji Salleh,2012).

Waktu telah ditentukan secara semula jadi, yang mungkin melibatkan waktu dalam sesaat, seminit, sejam, sehari, seminggu, sebulan, setahun, berkurun dan berabad-abad. Dalam kehidupan seharian manusia akan mengalami waktu pagi, tengah hari, petang dan malam. Namun waktu juga terdiri daripada hari ini, esok, lusa, tulat dan seterusnya. Masa juga boleh

berkaitan dengan masa lalu atau masa silam yang boleh menjadi sejarah atau kenangan dalam kehidupan seseorang.

Merujuk kajian dalam novel banyak persoalan berkaitan dengan masa silam atau peristiwa masa lalu yang mencorak kehidupan masa kini. Latar masa boleh dikaitkan dengan pelbagai peristiwa sama ada sedih atau gembira. Kebanyakan penulis menggambarkan waktu pagi dengan sinaran matahari yang melambangkan kegembiraan atau pengharapan, masa senja atau malam melambangkan kesedihan. Malam yang disinari cahaya bulan dan bintang melambangkan kebahagiaan atau keindahan serta kedamaian.

Novel ini banyak menggunakan latar waktu yang pelbagai dan berlakunya peristiwa yang berbeza. Pengarang banyak bermain dengan masa lalu terutama yang melibatkan peristiwa tiga tahun lalu. Teknik imbas kembali digunakan untuk menggambarkan peristiwa yang telah berlaku, boleh bayangkan kesedihan dan kegembiraan yang dialami oleh watak-watak dalam novel. Masa lalu banyak membawa kenangan suka dan duka setiap watak dalam kehidupannya. Dalam bab pertama, kedua dan ketiga penulis memaparkan rasa kesedihan, trauma, terharu dan bersyukur pada Tuhan di atas segala ujian dan dugaan yang mendarat. Pengarang telah mengolah peristiwa tsunami yang berlaku sesudah zohor dengan sebaiknya. Peristiwa tsunami yang berlaku waktu tengah hari melambangkan kehidupan tidak selalunya gembira. Setiap kehidupan yang duka, pada kebiasaannya akan berakhir dengan kesedihan namun akan ada kegembiraan juga di akhirnya nanti. Namun begitu amat berbeza dengan apa yang berlaku

kepada kehidupan masyarakat Kampung Hujung Tanjung. Walaupun mengalami peristiwa hitam, namun selepas tiga tahun keadaan kampung kembali membangun dan menjadi pusat perlancangan yang terkenal. Berkat kesabaran dan ketabahan penduduk, telah mendapat kebaikan. Masa lalu banyak membawa perubahan dari aspek fizikal dan mental masyarakat.

Watak Imam Mamat digambarkan tidak dapat melupakan kenangan lalu, beliau trauma dengan kejadian buruk yang melanda masyarakat kampungnya. Begitu juga rakan-rakannya yang lain tidak dapat melupakan segala suka duka yang telah dialami. Kedukaan tersebut telah membawa banyak keperitan hidup kepada mereka, kerana ada yang kehilangan harta benda, sumber pendapatan, saudara-mara dan sahabat-handai. Manusia agak sukar untuk melupakan kenangan silam biarpun ia telah lama berlalu. Fenomena ini dapat dilihat berdasarkan beberapa petikan di dalam novel:

Imam Mamat tidak akan dapat melupakannya. Sepanjang hayat dia tidak akan dapat melupakannya. Hingga kini pun dia kadang-kadang masih diusik trauma. Terbayangkan malapetaka itu. Dahsyat dan menggerunkan. Sejak dia masih kanak-kanak hingga sekarang sudah besar panjang menjadi manusia dewasa berusia 75 tahun sekarang. Sudah bermacam pengalaman dan suka duka Hidup di kampung kelahirannya ini telah dialaminya. Hingga dia menjadi imam sekarang. Pantai itu dengan hamparan selutnya tidak berubah. Macam dahulu juga.

(hlm. 1 – 2)

Berdasarkan petikan tersebut pengarang memberi perbandingan bahawa manusia akan berubah dari aspek fizikal apabila umur telah meningkat, namun keadaan fizikal alam sukar berubah biarpun telah berusia beratus tahun. Usia 75 tahun menjadi petanda kepada manusia sudah tua dan

manusia akan berubah apabila berlakunya perubahan masa. Masa boleh mengubah rupa fizikal manusia, namun alam terlalu sukar untuk dilihat perubahan fizikal biarpun telah berlaku perubahan masa.

Kejadian alam atau bentuk fizikal akan berubah jika manusia yang mengubahnya dan bentuk fizikal alam tidak akan berubah dengan ketara jika melalui proses masa secara semula jadi. Keadaan fizikal Kampung Hujung Tanjung telah berubah bentuk fizikalnya, kerana pembangunan yang dilakukan oleh manusia. Perubahan fizikal Kampung Hujung Tanjung boleh dilihat melalui petikan berikut:

Apa-apa yang dilihatnya sekarang dengan apa-apa yang telah dilihatnya lebih tiga tahun lalu amat jauh bezanya. Tiga tahun tidaklah begitu lama, bisik hati kecil Imam Mamat. Namun, dalam tempoh tiga tahun, segala-galanya telah berubah. Kampung Hujung Tanjung telah berubah wajahnya kepada wajah baru seperti terbentang di hadapan matanya sekarang.

(hlm. 458)

Kadangkala, masa juga boleh mengubah bentuk fizikal alam ke arah lebih baik dan sempurna di mata manusia. Hakikatnya masa boleh merubah segalanya, situasi ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Sepanjang bibir pantai yang sebelum ini hodoh dan menyakitkan mata memandang, kini terbentang dengan medan pejalan kaki yang selesa. Tiang-tiang lampu antiknya berderet menahan angin laut yang ramah sentiasa. Barisan pokok bunga dijaga rapi dan bunganya pula lebat beraneka warna. Di selang-seli pula dengan bangku simen tempat untuk bersantai.

(hlm. 459)

Pengarang bijak mengaitkan citra alam waktu pagi dengan gambaran kegembiraan dan kejayaan. Suasana pagi pada kebiasaan berkaitan dengan permulaan kehidupan kita. Pengarang menjadikan suasana pagi

sebagai petanda kepada kegembiraan dan harapan. Merujuk petikan pengarang menggunakan suasana pagi sebagai petanda kegembiraan dan kejayaan kepada penduduk Kampung Hujung Tanjung.

Pagi itu juga Datuk Fakir berkesempatan menemui Hasanuddin yang sudah beberapa kali ingin menemuinya. Hasanuddin yang sudah beberapa kali ingin menemuinya. Hassanuddin berasa amat gembira kerana dapat menjual banglonya dengan harga yang memuaskan. Datuk Fakir pula tidak kurang gembiranya kerana banglo itu menjadi kawasan utama untuk tatapan pelancong nanti.

(hlm. 327)

Waktu tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan manusia. Penambahan waktu membawa perubahan kepada manusia dan bentuk fizikal alam. Dalam novel ini pengarang banyak bermain dengan peristiwa masa lalu watak-watak utama. Kesan tsunami telah membawa banyak perubahan kepada cara hidup masyarakat di Kampung Hujung Tanjung. Perubahan masa telah kembali menyatukan penduduk dan penduduk kembali ceria. Pengarang kerap menggunakan waktu pagi yang dikaitkan dengan aktiviti atau peristiwa yang akan berlaku pada waktu seterusnya. Contoh, musibah tsunami berlaku waktu zohor, sebelum peristiwa itu berlaku Imam Mamat berada dalam keadaan keluh kesah dan risau tanpa sebab.

Pengarang menggunakan waktu pagi sebagai imej kepada harapan dan kemusnahan kepada kehidupan. Waktu pagi kebiasaanya menjadi petanda yang baik kepada sebuah kehidupan. Manakala waktu malam digambarkan sebagai imej yang tidak baik atau mungkin musibah akan berlaku. Merujuk peristiwa dalam novel, pada waktu malamlah berlakunya

peristiwa simbahan cat, kecurian dan pembakaran bahan pameran. Hakikatnya malam sering dijadikan sebagai lambang suasana yang tidak baik. Justeru itu, pengarang bijak mengguna citra alam waktu malam sebagai imej tidak baik dan tidak menjanjikan kejayaan kepada watak-watak dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (Osman Ayob, 2007).

4.3.3 Cakerawala

Cakerawala merupakan hasil pemerhatiannya dan juga kepercayaan manusia. Masyarakat Melayu membina struktur cakerawala atau kosmologinya sendiri. Setiap hari dilihatnya langit; dalam langit itu diperhatikan pergerakan dan kuasa matahari. Pada malamnya pula ditatapnya pergerakan bulan dan bintang. Dia memikirkan atur-susunan cakerawala ini asal usul kejadiannya (Muhammad Haji Salleh, 2012).

Berdasarkan Skeat (seperti dalam Harun Mat Piah, 2001, hlm.18 -19)

menceritakan bahawa:

Alam bermula daripada kehadiran ‘Pawang ya tuha’, yang wujud lebih dahulu daripada langit dan bumi. Menurutnya ‘Bumi belum bernama bumi, langit pun belum bernama langit’. Ketika itu dikatakan bumi selebar talam, langit pula selebar payung. Bumi dicipta oleh pawing apabila dia kedatangan berahi, lalu terpancarlah seri manikam ke bumi, jadilah pusat bumi (tiang kaabah), lalu tumbuh ibarat sepohon kayu yang dinamakan Kayu Rampak, Kayu Siang, Kayu Langkah Langkapuri dan lain-lain. Kayu itu mempunyai empat cawing, iaitu Syajrat Muntaha, Tubi, Khuldi dan Nasrun Alkam. Cawang-cawangannya ini mengarah ke utara, selatan, timur dan barat yang dinamakan empat penjuru alam. Matanya menjadi Datuk Mentala (Bentara Guru; bahagian-bahagian yang lain menjadi jin-jin lain. Pedangnya menjadi pelangi; cahaya pedangnya menjadi kilat dan angin (hawa). Bumi pun terjadi daripada air maninya; rumput daripada bulu romba, kayu daripada rambut, hujan daripada air mata, embun daripada peluh; darah

pusatnya menjadi racun, penyakit daripada sir dan penawar daripada nur. Sementara keratan bawah ular tersebut jatuh ke bumi, menjadi tanah; uri, tembuni, teruban menjadi sumber segala penyakit, iaitu hantu, jembalang, polong dan penanggal.

Merujuk petikan, jelas kelihatan mitos kejadian cakerawala atau dunia berdasarkan kepada budaya kepawangan, yang cuba diislamkan di zaman kedatangan agama ini. Walaupun demikian terdapat juga garis-garis kosmologi pra-Islam dari sudut pawang Melayu yang sangat berkuasa pada zaman itu. Cakerawala adalah alam fizikal atau ruang lengkung langit, *Kamus Dewan* (2010). Langit yang dilihat tidak bertepi dan dijunjung pula oleh makhluk di bumi. Cakerawala dihiasi bulan, bintang, matahari, awan, hujan dan guruh (kilat atau petir). Masyarakat zaman dahulu sering mengaitkan kejadian di langit dengan peristiwa yang berlaku di dunia atau melibatkan makhluk manusia. Cakerawala juga dikaitkan dengan petanda sesuatu kejadian sama ada buruk atau baik. Awan mendung dikaitkan dengan kesedihan atau kedukaan, matahari dikaitkan dengan kegembiraan, bulan dan bintang yang berkelipan di langit dikaitkan dengan kehidupan yang bahagia. Jarak antara bumi dengan langit adalah terlalu jauh dan jaraknya begitu jauh untuk dicapai dengan tangan, namun dengan ketajaman minda pengarang bumi dan langit bagaikan bergabung dalam satu ruang dan saling bergantungan antara satu sama lain.

Dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* pengarang juga tidak ketinggalan menggunakan unsur citra alam cakerawala dalam mengembangkan plot novelnya. Pengarang begitu bijak menyusun ayat

demi ayat dalam proses membuat perbandingan atau petanda kepada kejadian alam di Kampung Hujung Tanjung.

Pengarang telah menggunakan citra alam cakerawala matahari bagi menunjukkan arah kedudukan kenderaan kereta yang tersadai di atas pokok akibat ombak besar tsunami. Matahari adalah cakerawala yang amat penting bagi manusia sejak zaman lampau. Matahari menjadi fungsi kepada penunjuk arah sebelum terciptanya kompas. Orang Islam menjadikan arah matahari jatuh sebagai kiblat untuk solat. Matahari juga dijadikan penanda untuk menentukan waktu solat. Matahari adalah menjadi petanda kepada manusia pada zaman dahulu. Matahari boleh menjadi lambang kegembiraan dan kebahagian, sinar matahari menjadi firasat hari tidak akan hujan.

Melalui petikan ini, penulis sengaja menggunakan matahari bagi menunjuk arah kedudukan kereta yang dihanyutkan oleh ombak besar tsunami. Tanpa diletakkan simbol matahari, mungkin sukar bagi pembaca menentukan arah kedudukan kenderaan tersebut. Hasil penggunaan matahari telah menunjukkan kenderaan tersebut menghala ke arah Barat.

Di atas bumbung rumah yang tinggal rangka itu, tersadai sebuah kereta Proton Saga berwarna biru muda yang sudah pudar. Kereta itu tergantung di atas bumbung sebuah rumah dengan bonetnya tertonggek ke atas bahagian kepalanya menunduk sedikit menghadap matahari.

(hlm.77)

Suasana berjerebu atau awan menjadi lambang kepada suasana, sama ada gembira atau sedih. Pada kebiasaannya awan mendung melambangkan kesedihan dan kedukaan dan begitulah sebaliknya. Penulis bijak bermain

dengan dengan citra alam awan dan hujan untuk memberi petanda tentang kejayaan dan kegembiraan pada watak Datuk Fakir dalam usaha kemanusiaannya membantu masyarakat Kampung Hujung Tanjung. Ketiadaan jerebu dan suasana yang cerah pada awal pagi melambangkan kejayaan dan kegembiraan kepada masyarakat kampung yang dilanda musibah tsunami.

Datuk Fakir Yang Datang awal pagi itu, terus duduk di dalam biliknya menghadap jendela cermin yang jernih terbuka mempamerkan panorama Kuala Lumpur yang bersih lagi indah.

(hlm.76)

Kehadiran hujan boleh membawa petanda kepada kebaikan atau rahmat kepada makluk bumi terutama tumbuh-tumbuhan. Suasana malam melambangkan kegelapan, kemurangan dan kesedihan, namun apabila turunnya hujan kegelapan malam atau kesusahan akan berakhir. Begitulah simbolik yang cuba diutarakan oleh penulis bagi mengambarkan Datuk Fakir ibarat hujan pembawa kebaikan atau sinar baru kepada masyarakat Kampung Hujung Tanjung yang dalam kesusahan:

Malam tadi hujan agak lebat, dan pagi ini Kuala Lumpur muncul dengan wajah bersihnya. Inilah suasana yang didamkankannya setiap kali dia berada di pejabat – di tingkat 50 Menara Insan Padu yang siap dibina setahun lalu.

(hlm. 77)


Matahari dan angin juga menjadi lambang kepada suasana yang aman dan damai kepada kehidupan manusia. Matahari yang menyinari alam dan angin yang bertiup boleh melahirkan suasana yang ceria dan gembira, di

samping memberi harapan baharu kepada penghidupan penduduk Kampung Hujung Tanjung. Gambaran ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Petang terus berengsot tetapi matahari yang terik di laut tidak menampakkan awam yang boleh menurunkan hujan. Angin terus bertiup dengan setianya menjadikan kawasan persekitaran kampung itu segar dan nyaman.

(hlm. 241)

Gambaran sinaran matahari dan tiupan angin oleh pengarang dalam novel sebenarnya, cuba menyampaikan maksud atau petanda suasana kerjasama antara penududk dan kehidupan penduduk Kampung Hujung Tanjung kembali ceria.



4.4 Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan didapati pengarang bijak memanipulasi citra alam dalam penghasilan karyanya. Penggunaan citra alam manusia, fenomena alam, waktu dan cakerawala telah menjadikan novel ini menarik. Gambaran citra alam telah menjadikan sebagai penanda dan petanda bagi sesuatu peristiwa. Hasil karya ini menjadi lebih menarik dan realistik, audien atau pembaca seolah-olah turut sama berada dalam peristiwa tsunami, kesan kebijaksanaan olahan unsur alam oleh pengarang. Kebijaksanaan pengarang memanipulasi citra alam sebagai penggerak jalan cerita telah memberi kejayaan kepada pengarang menyampaikan mesej yang tersirat dan tersurat Pada keseluruhannya pengkarya ini amat bijak bermain dengan alam, untuk menyatakan idea-idea bagi menegur kerakusan manusia

atau masyarakat tentang kepentingan menjaga alam ciptaan Tuhan. Sebagai khalifah di muka bumi, manusialah pelindung kepada alam. Alam perlu dijaga dikasihi agar mereka tidak bertindak ganas dan rakus kepada manusia. Novel ini amat menarik dan tidak membosankan dan kesudahan jalan ceritanya adalah dengan kejayaan penduduk memulihkan kembali keadaan fizikal kampung dan penduduk kembali ceria dan dapat menjalani kehidupan seperti biasa. Penduduk Kampung Hujung Tanjung kembali bersatu dan ekonomi dapat dijana dengan jayanya. Kesan musibah kadangkala membawa kebaikan kepada manusia, memberi keinsafan dan pengajaran kepada manusia sejagat tentang pentingnya menjaga alam.



BAB LIMA

PENEMUAN DAN PENUTUP

5.1 Penemuan

Bab ini berfokus kepada rumusan kajian mengenai citra alam dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007) oleh Osman Ayob. Dalam bab ini, pengkaji akan menyatakan secara terperinci jenis citra alam yang kerap digunakan mengikut kategori yang telah ditetapkan sebelum ini.

Kajian telah menjelaskan bahawa pengkarya menjadikan citra alam sebagai proses menyampaikan maksud yang tersirat dan tersurat. Penulis mencurahkan buah fikiran melalui penggunaan citra alam dalam proses menegur kepincangan dalam kehidupan masyarakat kini. Penduduk Kampung Hujung Tanjung telah dijadikan sebagai wakil kepada keseluruhan masyarakat. Pengkaji juga mendapati pengarang cuba menerapkan elemen pentingnya perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat. Perpecahan dan pergaduhan tidak memberi apa-apa kebaikan kepada kehidupan di dunia. Sifat hasad dengki boleh membawa kepada perpecahan dan kerugian kepada ahli masyarakat itu sendiri. Melalui novel ini penulis cuba menyampaikan mesej perpaduan dan perlunya sikap hormat-menghormati serta saling bantu-membantu antara satu sama lain.

Keinsafan atau kesedaran yang timbul kesan dari bencana boleh membawa kepada perubahan kehidupan masyarakat ke arah yang lebih baik. Segala musibah dan kesusahan perlu dijadikan panduan serta pengajaran

agar kesilapan lalu dapat diperbetulkan dan tidak berulang kembali. Adalah tidak bijak jika kita mengulangi kesilapan yang sama untuk kali kedua. Penulis sebenarnya cuba menyampaikan mesej pentingnya memelihara alam sekitar. Kemusnahan alam sebenarnya boleh membawa kemudaratkan kepada kehidupan manusia.

Melalui kajian ini, citra alam mengikut dikategori mengikut penggunaan jenis-jenis citra alam oleh penulis dalam proses penghasilan novel *Ombak Bukan Penghalang*. Jenis citra alam yang digunakan oleh penulis jelas berkaitan dengan manusia itu sendiri dan ditambah dengan penggunaan fauna dan flora. Kepincangan hidup manusia akibat timbulnya sikap irihati atau cemburu boleh menimbulkan permusuhan dalam kehidupan. Sikap curiga atau buruk sangka terhadap orang lain memang telah menjadi lumrah kepada kehidupan dalam masyarakat. Merujuk kajian citra alam manusia dikaitkan dengan emosi. Gambaran watak-watak dalam novel ini banyak bermain dengan emosi. Tekanan emosi banyak berlaku selepas penduduk mengalami musibah bencana ombak tsunami. Ramai penduduk kehilangan nyawa orang tersayang, kehilangan harta benda, sumber pendapatan dan tempat tinggal.

Walau bagaimanapun paparan nilai kemanusiaan oleh watak Datuk Fakir, Imam Mamat, Fuad, Lokman dan lain-lain watak sampingan. Datuk Fakir sanggup berkorban harta benda, masa, dan tenaga demi membantu masyarakat Kampung Hujung Tanjung supaya kembali bangkit daripada kesedihan, kehilangan dan kemusnahan yang telah dilalui juga diberi

kepentingan oleh pengarang. Pengarang juga kerap bermain dengan citra alam yang berkaitan dengan masa. Hampir setiap bab, terdapat citra alam berkaitan dengan masa digunakan. Pengarang menggunakan suasana pada awal pagi untuk melambangkan kegembiraan atau permulaan kehidupan yang ceria serta penuh pengharapan. Suasana tegah hari, petang dan malam juga kerap digunakan oleh pengarang. Sebagai contoh peristiwa tsunami berlaku pada waktu tengah hari, iaitu selepas solat zohor.

Pengarang juga tidak ketinggalan menggunakan citra alam cakerawala seperti awan, angin, jerebu dan matahari bagi mengambarkan suasana latar dalam novel. Melalui gambaran cakerawala ini telah menjadikan hasil karyanya lebih realistik dan menarik.

Hakikatnya kajian ini dapat membuktikan bahawa keindahan gaya bahasa dan persoalan dalam novel ini banyak disokong oleh penggunaan unsur alam. Unsur alam yang digunakan oleh pengarang amat bersesuaian dan saling berkaitan antara satu sama lain. Penggunaan pendekatan firasat juga bersesuaian dalam proses kajian ini kerana berkaitan dengan kajian yang berlandaskan perlambangan unsur alam yang dikaitkan dengan suasana dalam novel. Justeru itu, ketepatan memilih pendekatan amat membantu proses kajian yang dilaksanakan di samping dapat menyokong dapatan kajian. Di sini dirumuskan bahawa, pendekatan firasat sesuai dengan kajian yang dijalankan kerana mempunyai asas-asas yang menarik untuk dijadikan landasan dalam membina suatu kaedah kajian kesusteraan tanah air.

5.2 Penutup

Pengarang Osman Ayob telah berjaya menggunakan unsur alam sebagai salah satu elemen penting dalam penulisannya dan telah berjaya mengekalkan indentiti sebagai penulis yang menjadikan unsur alam sebagai salah satu gaya dalam penulisan bahan sastera.

Kecenderungan memasukkan elemen alam dalam penulisan merupakan suatu teknik penulisan yang masih relevan digunakan di zaman moden ini. Penggunaan unsur alam memang perlu bagi menjadikan sesebuah hasil karya itu menarik dan realistik. Selain itu hasil karya juga menjadi indah dan boleh menarik minat audien atau pembaca. Justeru itu dapatlah dirumuskan bahawa unsur alam dengan pengarang tidak dapat dipisahkan. Unsur alam saling bertautan dengan pengarang dalam semua aspek penulisan bahan kesusastraan.

Novel *Ombak Bukan Penghalang* (Osman Ayob, 2007) sarat dengan penggunaan unsur alam semula jadi. Lantaran itu, penggunaan elemen alam telah menyebabkan novel ini menjadi lebih menarik, unik dan tidak jemu dibaca. Osman Ayob muncul sebagai salah seorang pengarang yang gemar menggunakan elemen alam sebagai sumber dan menjadi satu kemestian dalam penghasilan karya. Penggunaan elemen alam dalam hasil karya kesusastraan adalah perlu, namun cara penggunaan di tempat yang bersesuaian juga perlu diberi perhatian oleh setiap pengarang.

Kajian seumpama ini perlu agar dapat menghasilkan lebih banyak kajian ilmiah tentang penggunaan unsur alam oleh pengarang tempatan.

Kajian secara lebih terperinci dan lebih banyak adalah perlu dilakukan oleh pengkaji-pengkaji seterusnya. Kajian juga tidak hanya berfokus kepada novel-novel pengarang mampan sahaja malah kajian ke atas pengarang karya popular juga perlu, untuk mengenal pasti penggunaan unsur alam dalam karya popular. Oleh itu, dapatan kajian dapat memperlihatkan bahawa penggunaan unsur alam dalam penghasilan karya masih relevan sehingga sekarang.



RUJUKAN

- A. Rahim Abdullah. (1999). *Ulasan terhadap teori sastera sendiri*, Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, di Hotel Summit. 6-7 Disember.
- Abdullah Hussain.(1982). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan .(2009). Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*. Jilid 16, 59 – 81.
- Abdul Rahman Napiah. (2000). *Kritikan Sastera Islam : Teori Taabudiyah*. Kertas Kerja Seminar Teori Sastera Islam: Kaedah dan Penerapannya, di Hotel Renaissance, Putrajaya. 26 – 28 September.
- Arba'ie Sujud, Norhidayu Kasim, Nik Rafidah Muhammad Nik Affendi, Che Ibrahim Salleh, Norhidayu Kassim. (2010). *Unsur alam dalam ujana kreatif dari presspektif seni bahasa*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusastraan, Universiti Sains Malaysia. 16 -17 Julai.
- Arief Salleh & Wardah Mokhtar. (2007). *Membentuk jati diri remaja*. Batu Caves: PTS Publications Sdn. Bhd.
- Chan Ngai Weng. (1993). *Pengantar geografi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cahyaningrum Dewojati, M.Hum. (2010). *Wacana penyadaran lingkungan hidup dalam drama ozon karya Ariffin C. Noor*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusastraan Melayu, Universiti Sains Malaysia. 16 - 17 Julai.
- Fatimah Busu. (2010). *Alam dan kesan Audio visual*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusastraan Melayu, Universiti Sains Malaysia.16 - 17 Julai.
- Hu Ann Leh, Md. Salleh Yaapar dan Rahimah A. Hamid. (2013). *Simbiosis masyarakat Iban dan alam menerusi fiksyen Jong Chian Lai, sastera dalam budaya dan media*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Haji Morsidi Muhamad. (2010). *Dua novel muslim burmat: Manifestasi citra alam tentang laut dan lembah*. Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusastraan Melayu, Universiti Sains Malaysia. 16 - 17 Julai.

Hashim Awang. (1989). Kajian sastera: Suatu pendekatan Melayu. Kuala Lumpur: *Dewan Sastera*, Mei.

Harun Mat Piah. (2001). *Pantun Melayu: Bingkisan permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Imran Ho-Abdullah. (2010). *Anjing (Canis familiaris) dalam alam Melayu: Satu analisis kognitif semantik*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusasteraan, Universiti Sains Malaysia. 16- 17 Julai.

Jelani Harun. (2000). *Pengkaedahan Melayu: Mencari zahir merungkai batin*. Kertas Kerja Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, Hotel The Summit. 6- 7 Disember. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. (1990). Jakarta: Indonesia.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus English – Melayu Dewan. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartini bt Anuar. (2010). *Manifestasi alam dalam syair ikan terubuk*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusasteraan, Universiti Sains Malaysia. 16 - 17 Julai.

Ling Chung Guan, Rosnidar Ain. (2010). *Puisi digital: Dimensi baru interaksi manusia dengan alam*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusasteraan, Universiti Sains Malaysia. 16 - 17 Julai.

Mana Sikana. (2013). *Dari Barat ke Timur: Teori kritikan sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mana Sikana. (1990). *Pendekatan kesusasteraan moden*. Bandar Baru Bangi: Karyawan.

Membunga @ Siti Meriam Yaacob. (2010). *Peribadi alam dalam lamunan puitis*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusasteraan, Universiti Sains Malaysia. 16 – 17 Julai.

Mana Sikana. (1998). *Kritikan sastera moden*. Shah Alam: Fajar Bakti. Membunga @ Siti Meriam Yaacob. (2010). *Peribadi alam dalam lamunan puitis*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusasteraan, Universiti Sains Malaysia. 16 – 17 Julai.

Mohammad Azmi Ab.Rahman. (2004). *Kesusasteraan Melayu demensi bahasa dan Pemikiran*. Sintok : Universiti Utara Malaysia.

Mok Song Sang. (2012). *Perkembangan kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Multimedia Sdn. Bhd.

Muhammad Haji Salleh. (2012). *Pandangan dunia Melayu pancarans Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muslim Burmat. (1993). *Empangan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Muhamad Fadzil Yussof, Hajah Samsina Abd Rahman. (2010). *Pemakaian kosmologi biotik dalam kumpulan puisi salasilah karya Zurinah Hassan dari perspektif teori pengkaedahan Melayu*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusasteraan, Universiti Sains Malaysia. 16-17 Julai.

Osman Ayob. (1993). *Di pinggir kesedaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Osman Ayob. (1998). *Detik yang tergugat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Ayob. (2006). *Menyisih awan kelabu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusatka.

Osman Ayob. (2007). *Ombak bukan penghalang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Ayob. (2012). *Lembah kencana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Ayob. (2013). *Ceo baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Ayob. (2013). *Dukhan langit akhir zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramli Isin. (1996). *Melihat Nilai Moral dan kemanusiaan dalam novel empangan: Konsep nilai dalam kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd. Saman. (1996). *Nilai estetik dalam puisi Melayu mutakhir dalam konsep nilai dalam kesusasteraan Melayu oleh Siti Asiah Murad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd. Saman. (1995). *Sastera Bandingan: Dari perspektif kita*. Bandar Baru Bangi: Kuala Lumpur.

Shahnon Ahmad. (1995). *Perempuan dan Mohd. Yusuf Hassan koleksi terpilih Sasterawan Negara: Shahnon Ahmad*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suzana, Muhammad, Nik Haslida Hussein, Siti Hajar Che Man. (2010). *Ekplorasi flora dan fauna adalah ekspresi jiwa raga wanita: Satu bacaan eco-feminism berdasarkan karya-karya terpilih*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Alam Dalam Kesusteraan, Universiti Sains Malaysia. 16- 17 Julai.

Zurinah Hassan. (2001). *Penggunaan unsur alam sebagai perlambangan dalam puisi Melayu moden*. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia.

